Pertumbuhan mampan daripada produk elektrik, elektronik & optikal melonjakkan sektor Pembuatan Pulau Pinang kepada **12.4%**

Perkhidmatan disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor utiliti, perdagangan borong & runcit dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan mengukuh sebanyak 9.2 peratus (2020: 3.5%) disokong oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Begitu juga, sektor Pertanian yang berkembang sebanyak 3.1 peratus (2020: 1.0%) didorong oleh peningkatan dalam aktiviti kelapa sawit, sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan.

Perlis bertumbuh 1.5 peratus (2020: -6.0%) disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian. Pertumbuhan sektor Perkhidmatan sebanyak 2.3 peratus (2020: -1.2%) diterajui oleh perkhidmatan kerajaan, subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi. Sektor Pembuatan meningkat sebanyak 5.4 peratus (2020: -5.6%) disokong oleh pertumbuhan positif dalam subsektor prosesan makanan dan produk mineral bukan logam. Namun begitu, sektor Pertanian merosot kepada negatif 6.0 peratus (2020: -18.5%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor tanaman dan perikanan.

Prestasi **Selangor** kembali pulih pada tahun 2021 apabila melonjak kepada 5.0 peratus berbanding penguncupan 5.2 peratus pada tahun sebelumnya dan kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi di Malaysia. Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 2.2 peratus (2020: -6.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan & insurans, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan mengukuh kepada 13.1 peratus (2020: -0.7%) dipacu oleh lonjakan daripada produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Pertumbuhan positif daripada subsektor tanaman, ternakan dan perikanan pula mendorong kenaikan sektor Pertanian dengan mencatatkan pertumbuhan lebih baik pada



Subsektor utiliti dan maklumat & komunikasi di Selangor kekal merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2021

kadar 4.9 peratus (2020: 0.3%). Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan menyusut sebanyak 6.6 peratus (2020: -9.7%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor kejuruteraan awam dan pembinaan bangunan.

Terengganu berkembang pada kadar 3.6 peratus (2020: -5.7%) didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan bertumbuh sebanyak 1.2 peratus (2020: -3.4%) seiring dengan pemulihan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan perkhidmatan kerajaan. Namun begitu, penurunan dalam subsektor utiliti memperlambatkan prestasi sektor Perkhidmatan Terengganu. Seterusnya, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 9.5 peratus berbanding penyusutan 9.4 peratus pada tahun 2020 dipacu oleh produk petroleum, kimia, getah & plastik. Sebaliknya, sektor Pertanian di Terengganu menyusut 5.3 peratus (2020: -3.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan dalam subsektor kelapa sawit dan getah.

Pemulihan KDNK **Sabah** yang bertumbuh positif 1.1 peratus berbanding penurunan 9.2 peratus didorong oleh peningkatan dalam sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian. Pertumbuhan 1.8 peratus

(2020: -7.3%) yang dicatatkan oleh sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan utiliti. Lonjakan daripada aktiviti gas asli telah mendorong kenaikan sektor Perlombongan & pengkuarian dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus (2020: -12.3%). Namun begitu, sektor Pertanian yang merupakan penyumbang ketiga ekonomi Sabah mencatatkan penyusutan sebanyak 2.4 peratus (2020: -6.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan pengeluaran buah tandan segar.

Sarawak berkembang sebanyak 2.9 peratus pada tahun 2021 (2020: -6.8%). Sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 2.1 peratus (2020: -5.5%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan utiliti. Peningkatan produk petroleum, kimia, getah & plastik menyumbang kepada pertumbuhan kukuh 11.2 peratus (2020: -8.6%) terhadap sektor Pembuatan. Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan & pengkuarian menyusut sebanyak 3.3 peratus (2020: -4.7%) berikutan kejatuhan dalam pengeluaran gas asli, minyak mentah dan kondensat. Pada masa sama, sektor Pertanian turut mencatatkan penurunan kepada negatif 3.2 peratus (2020: -10.1%) dipengaruhi oleh penyusutan pengeluaran kelapa sawit dan tanaman lain serta aktiviti perhutanan & pembalakan.

Pertumbuhan marginal 0.8 peratus (2020: -7.4%) **W.P. Kuala Lumpur** didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan. Sektor ini meningkat kepada 1.6 peratus (2020: -5.8%) disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan maklumat & komunikasi. Namun, sektor Pembinaan merosot kepada negatif 12.1 peratus (2020: -26.4%) dipengaruhi oleh nilai kerja pembinaan yang lebih rendah bagi segmen pembinaan bangunan dan kejuruteraan awam.

W.P. Labuan bertumbuh 0.5 peratus berbanding penyusutan sebanyak 0.4 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan yang mendominasi ekonomi W.P. Labuan merekodkan pertumbuhan lebih baik pada kadar 1.5 peratus berbanding 0.1 peratus pada tahun sebelumnya didorong oleh subsektor kewangan & insurans. Sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus berbanding penurunan 13.6 peratus pada tahun 2020 seiring pemulihan daripada aktiviti perikanan. Sebaliknya, sektor Pembuatan menyusut 1.0 peratus (2020: -1.2%) dipengaruhi oleh subsektor bahan kimia & produk kimia.

Struktur ekonomi mengikut negeri

Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mendominasi ekonomi Malaysia dengan jumlah sumbangan sebanyak 81.4 peratus. Penyumbang utama bagi kedua-dua sektor ini dapat dilihat di Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Melaka, Kedah dan Johor seperti ditunjukkan pada **Carta 1.25**. Kepelbagaian penumpuan dapat dilihat dalam komposisi aktiviti ekonomi bagi setiap negeri. Struktur ekonomi W.P. Kuala Lumpur ditunjangi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 90.0 peratus diikuti W.P. Labuan (78.5%), Perlis (70.2%), Kelantan (69.2%) dan Perak (61.4%). Sementara itu, sektor Pertanian mempunyai sumbangan yang penting di Kelantan (22.8%), Pahang (23.5%) dan Perlis (17.4%). Sarawak dan Sabah pula merupakan negeri yang menyumbang kepada sektor Perlombongan & pengkuarian.



KDNK per kapita

Dari perspektif KDNK per kapita, semua negeri merekodkan peningkatan berbanding pada tahun sebelumnya. KDNK per kapita Malaysia meningkat sebanyak RM3,737 iaitu daripada RM43,702 pada tahun 2020 kepada RM47,439 pada tahun 2021 (**Jadual 1.4**).

Lima negeri melepasi paras nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM111,292), W.P. Labuan (RM81,345), Sarawak (RM65,971), Pulau Pinang (RM59,685) dan Selangor (RM51,930).

5 negeri

melepasi paras KDNK per kapita nasional pada tahun 2021

Jadual 1.4 KDNK per kapita mengikut negeri, 2020-2021 pada harga semasa (RM)

Negeri	2020	2021
W.P. Kuala Lumpur*	108,791	111,292
W.P. Labuan	80,393	81,345
Sarawak	55,931	65,971
Pulau Pinang	55,774	59,685
Selangor	48,607	51,930
Melaka	42,861	44,610
Negeri Sembilan	41,254	44,495
Pahang	38,010	41,313
Johor	33,856	36,474
Perak	31,626	34,338
Terengganu	29,462	30,901
Sabah	24,652	29,960
Kedah	22,693	23,575
Perlis	21,099	21,508
Kelantan	14,951	15,584
MALAYSIA	43,702	47,439

*Termasuk W.P. Putrajaya


Jadual 1.5 Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2021

NEGERI	 PERTANIAN	 PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN	 PEMBINAAN	 PEMBUATAN	 PERKHIDMATAN	 DUTI IMPORT	 KDNK 2021
Pulau Pinang	-2.4	-4.1	12.9	12.4	2.1	-5.8	6.8
Selangor	4.9	-3.0	-6.6	13.1	2.2	8.6	5.0
Terengganu	-5.3	3.5	2.5	9.5	1.2	-47.9	3.6
Perak	3.1	-3.4	-6.7	9.2	2.4	-32.0	3.5
Kedah	2.6	-4.5	-8.4	6.2	1.9	30.8	3.2
MALAYSIA	-0.2	0.3	-5.2	9.5	1.9	1.7	3.1
Negeri Sembilan	-0.4	-3.4	-0.3	7.2	2.0	-29.5	3.0
Sarawak	-3.2	-3.3	10.2	11.2	2.1	-8.4	2.9
Johor	0.6	-7.5	-18.0	5.5	2.6	-4.5	2.4
Kelantan	1.0	5.1	1.2	2.1	2.7	39.8	2.4
Melaka	-0.6	-4.4	-9.5	3.3	2.3	-43.1	2.0
Perlis	-6.0	-2.3	0.2	5.4	2.3	89.0	1.5
Sabah	-2.4	2.4	7.9	-1.8	1.8	-11.1	1.1
Pahang	-0.1	-13.5	18.5	6.1	-1.4	-32.5	0.9
WPKL*	..	-3.1	-12.1	4.3	1.6	1.0	0.8
W.P. Labuan	1.3	..	-11.8	-1.0	1.5	-41.3	0.5
SUPRA	..	2.2	..	..	..	..	2.2

* Termasuk W.P. Putrajaya
 .. Tidak berkenaan

Carta 1.25 Sumbangan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2021

Sumbangan peratusan



*Termasuk W.P. Putrajaya

PRESTASI EKONOMI W.P. KUALA LUMPUR

SOSIOEKONOMI W.P. KUALA LUMPUR 2021

PRESTASI EKONOMI W.P. KUALA LUMPUR
2021

PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

- SEKTOR PEMBINAAN
- SEKTOR PEMBUATAN
- SEKTOR PERKHIDMATAN
 - » Perdagangan borong dan runcit
 - » Perkhidmatan maklumat dan komunikasi
 - » Pengangkutan dan penyimpanan
 - » Kewangan dan insurans
 - » Hartanah
 - » Penginapan dan makanan & minuman
 - » Perkhidmatan perniagaan
 - » Perkhidmatan kesihatan swasta
 - » Perkhidmatan pendidikan swasta
 - » Perkhidmatan kerajaan

KADAR VAKSINASI 2021

PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

PAKEJ RANGSANGAN, BANTUAN DAN
INSENTIF KERAJAAN NEGERI

INDEKS HARGA PENGGUNA

RENCANA 2 : SUMBANGAN DAN CABARAN
SEKTOR PELANCONGAN KUALA LUMPUR
ERA ENDEMIK COVID-19





SOSIOEKONOMI W.P. KUALA LUMPUR 2021

KDNK:
RM218.2 bilion
0.8%



INDEKS HARGA PENGGUNA 2.0%



DEMOGRAFI SOSIAL



KELUASAN KAWASAN 243 km²



JUMLAH PENDUDUK 1.96 juta
53.2%
46.8%



KADAR KESUBURAN JUMLAH* 1.5

Bagi setiap perempuan berumur 15 hingga 49 tahun



JANGKAAN HAYAT*
Ketika lahir (tahun)
75.7 80.5



PENDUDUK BEKERJA 0.9 juta



KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH 71.7%



KADAR PENGANGGURAN 4.2%



PERKHIDMATAN

RM196.4 b

1.6%

90.0%



PEMBINAAN

RM11.9 b

-12.1%

5.5%



PEMBUATAN

RM6.0 b

4.3%

2.7%



PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN

RM0.1 b

-3.1%

0.1%



STATISTIK PERDAGANGAN**

JUMLAH PERDAGANGAN RM116.0 bilion

EKSPORT BARANGAN RM44.0 bilion

EKSPORT BARANGAN UTAMA

Minyak kelapa sawit

RM5.4 bilion

IMPORT BARANGAN RM72.0 bilion

IMPORT BARANGAN UTAMA

Barangan elektrik & elektronik lain

RM5.1 bilion



STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

BILANGAN PELAWAT DOMESTIK 9.1 juta

LIMA DESTINASI TUMPUAN UTAMA



Mid Valley Megamall



SOGO



Pavilion Kuala Lumpur



Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)



Putra World Trade Centre (PWTC)



PENDAPATAN PBT*

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur RM3.1 bilion

Perbadanan Putrajaya RM0.5 bilion

PETUNJUK

- Pertumbuhan
- Sumbangan kepada KDNK
- Bilion

Nota: KDNK: Keluaran Dalam Negeri Kasar
PBT: Pihak Berkuasa Tempatan
*Data tahun 2020
**Termasuk W.P. Putrajaya

0.8%
Pertumbuhan
ekonomi
W.P.
Kuala Lumpur

RM218.2
bilion
Nilai **KDNK** pada
tahun **2021**

PRESTASI EKONOMI W.P. KUALA LUMPUR

2021

Pada tahun 2021, ekonomi Malaysia terus pulih secara beransur-ansur pada landasan yang tidak sekata bagi setiap negeri. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (W.P. Kuala Lumpur) yang merupakan ibu kota Malaysia, yang turut terjejas dengan pandemik COVID-19 beransur pulih dengan adanya Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) bagi memacu pertumbuhan pasca pandemik yang diluluskan pada Oktober tahun ini.

W.P. Kuala Lumpur sentiasa bersedia berperanan sebagai ibu kota Malaysia dengan menyediakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040). Dengan visi 'Bandar Untuk Semua' PSKL2040 akan mentranformasikan W.P. Kuala Lumpur dengan enam matlamat iaitu Inovatif dan Produktif, Inklusif dan Saksama, Sihat dan Vibran, Pintar Iklim dan Rendah Karbon, Mobiliti Cepak dan Mesra Alam serta Perancangan Bersepadu dan Mampan. Ini dapat menjadikan W.P. Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang menjadi tumpuan pelbagai golongan masyarakat termasuk warga asing sekiranya pelbagai kemudahan perumahan dan infrastruktur disediakan bagi memenuhi keperluan semua masyarakat terutama golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh itu, usaha akan diteruskan dengan memberi tumpuan kepada penyediaan perumahan dan kemudahan infrastruktur yang berkualiti serta pengagihan yang saksama bagi meningkatkan aksesibiliti serta memupuk integrasi sosial yang berterusan demi kemakmuran sejagat selaras dengan visi PSKL2040.

Tambahan itu, dengan seramai 1,302,525 individu sudah menerima suntikan vaksin di W.P. Kuala Lumpur menjadikannya antara yang terawal mencapai sasaran 100 peratus populasi dewasa dalam pemberian vaksin pada Julai 2021. Ini mampu mendorong W.P. Kuala Lumpur untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi mereka. Ekoran daripada langkah tersebut, pertumbuhan KDNK W.P. Kuala Lumpur meningkat 0.8 peratus

berbanding tahun sebelum iaitu negatif 7.4 peratus. Nilai ditambah berjumlah RM 218.2 bilion dicatatkan pada tahun 2021 (2020: RM216.6 bilion) seperti ditunjukkan pada **Carta 2.1**.


Sektor utama yang mendominasi ekonomi W.P. Kuala Lumpur adalah sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 90.0 peratus seperti dipaparkan pada **Carta 2.2**. Ini diikuti oleh sektor Pembinaan sebanyak 5.5 peratus dan sektor Pembuatan sebanyak 2.7 peratus. Seterusnya, 0.1 peratus disumbang oleh sektor Perlombongan dan pengkuarian.

Dari sudut aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan berkembang kepada 1.6 peratus berbanding negatif 5.8 peratus pada tahun 2020 dengan nilai ditambah sebanyak RM196.4 bilion (2020: RM193.3 bilion) seperti pada **Carta 2.3**. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor perdagangan borong & runcit, penginapan, makanan & minuman yang meningkat kepada 0.8 peratus. Selain itu, subsektor kewangan & insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan turut menyumbang kepada kenaikan sektor ini dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.5 peratus. Bagi merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi di sektor Perkhidmatan, Kementerian Wilayah Persekutuan membelanjakan kira-kira RM151.3 juta melalui Inisiatif Wilayah Cakna 6.0 yang memanfaatkan kira-kira 530,000 warganya yang terkesan susulan pelaksanaan PKP, antaranya dengan menangguhkan bayaran cukai taksiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan juga pengecualian penalti denda lewat cukai taksiran tertunggak pada tahun 2020 dan 2021. Di bawah inisiatif ini, pemilik harta dibenarkan membuat bayaran cukai taksiran secara ansuran sehingga hujung tahun 2021 tanpa dikenakan sebarang caj denda lewat bagi dua tahun tersebut.


Sementara itu, sektor Pembuatan W.P. Kuala Lumpur pulih kepada 4.3 peratus pada tahun 2021 (2020: -6.3%). Sektor ini mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM6.0 bilion. Peningkatan pertumbuhan diperhatikan khususnya dalam kumpulan produk elektrik, elektronik & optikal serta prestasi segmen minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan. Bagi menggalakkan pertumbuhan mampan dan berdaya saing serta memperkukuhkan sektor Pembuatan daripada kemelut ekonomi tidak menentu, Lembaga Pembangunan

Carta 2.1


Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK W.P. Kuala Lumpur, 2015-2021

**Carta 2.2**

Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, W.P. Kuala Lumpur, 2021


**Carta 2.3**

Kadar pertumbuhan mengikut sektor, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2021



Paparan 2.1

Nilai ditambah mengikut sektor utama
W.P. Kuala Lumpur, 2021



Pelaburan Malaysia (MIDA), mensasarkan lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi pada tahun 2020 kini mencapai sasaran dengan mengiktiraf W.P. Kuala Lumpur antara 5 negeri utama yang menunjukkan prestasi pelaburan sebanyak RM4.9 bilion pada bulan Januari hingga Mac 2021.

Sektor Pembinaan masih menyusut kepada 12.1 peratus (2020: -26.4%) dengan nilai ditambah sebanyak RM12.0 bilion pada tahun 2021 dipengaruhi oleh penurunan dalam ketiga-tiga segmen iaitu kediaman, bukan kediaman dan kejuruteraan awam. Bagi mengukuhkan lagi sektor ini, melalui Inisiatif Wilayah Cakna, DBKL menyediakan pembinaan 'council homes' atau rumah sewa di setiap kawasan parlimen di Kuala Lumpur dalam membantu meningkatkan tahap kualiti hidup masyarakat untuk mengatasi masalah miskin bandar. Selain itu, antara inisiatif lain ialah pelaksanaan inisiatif Baiti Jannati atau Rumah Wilayah Prihatin membabitkan pembinaan 6,000 unit rumah mampu milik di W.P. Kuala Lumpur.

Seterusnya, sektor Perlombongan dan pengkuarian turut mencatatkan penguncupan 3.1 peratus, namun pertumbuhannya lebih baik berbanding negatif 9.4 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor ini merekodkan nilai ditambah sebanyak RM134.0 juta yang disumbangkan oleh subsektor pengkuarian lain terutamanya bagi aktiviti pemecahan batu dan pengkuarian granit.

PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PEMBINAAN

W.P. Kuala Lumpur kekal sebagai negeri kedua terbesar yang menyumbang kepada sektor Pembinaan di Malaysia pada tahun 2021 dengan sumbangan sebanyak 22.1 peratus. Nilai ditambah yang dicatatkan oleh sektor ini berjumlah RM11.9 bilion pada tahun 2021, menyusut berbanding RM13.6 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Oleh itu, sumbangan sektor Pembinaan kepada keseluruhan ekonomi W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2021 turut menyusut kepada 5.5 peratus (2020: 6.3%).

Prestasi sektor Pembinaan di W.P. Kuala Lumpur merekodkan penurunan yang lebih kecil dengan mencatatkan penguncupan 12.1 peratus daripada negatif 26.4 peratus yang dicatatkan pada tahun 2020.


Penurunan ini dipengaruhi oleh pertumbuhan negatif dua angka yang direkodkan oleh segmen kejuruteraan awam, bangunan kediaman serta bangunan bukan kediaman. Ketiga-tiga sektor ini menyumbang sebanyak 69.2 peratus kepada keseluruhan sektor Pembinaan di W.P. Kuala Lumpur seperti yang ditunjukkan pada **Paparan 2.2**.

Walaupun begitu, kejatuhan sektor Pembinaan dapat diimbangi dengan pertumbuhan positif dua digit dalam segmen aktiviti pertukangan khas, yang merangkumi 30.8 peratus daripada keseluruhan sektor ini.

Projek utama:

Antara projek utama yang dijalankan di W.P. Kuala Lumpur adalah:

- ◆ Projek-projek berkaitan pembangunan Mass Rapid Transit (MRT) bagi jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya;
- ◆ Membina blok bangunan perdagangan bercampur 118 tingkat (Merdeka PNB118)
- ◆ Pembangunan blok pejabat 47 tingkat, Tun Razak Exchange (Menara Affin@TRX)
- ◆ Projek-projek pembinaan kondominium, pangsapuri mewah dan pangsapuri perkhidmatan;
- ◆ Projek-projek pembinaan perdagangan bercampur di sekitar W.P. Kuala Lumpur; dan
- ◆ Pelbagai projek pembinaan pembangunan komersial serta bangunan perdagangan berstrata.

Paparan 2.2**Komposisi sektor Pembinaan, W.P. Kuala Lumpur, 2021**

SEKTOR PEMBUATAN

Pada tahun 2021, sektor Pembuatan mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM6.0 bilion (2020: RM5.7 bilion) dan menyumbang sebanyak 2.7 peratus kepada KDNK W.P. Kuala Lumpur. Secara umumnya, sumbangan mengikut segmen bagi sektor ini adalah hampir setara seperti pada **Carta 2.4**. Pertumbuhan yang direkodkan pada tahun 2021 memulih kepada 4.3 peratus berbanding negatif 6.3 peratus pada tahun sebelumnya. Antara subsektor yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah produk elektrik, elektronik dan optikal yang merupakan penyumbang utama sektor ini dengan sumbangan 24.5 peratus. Subsektor ini merekodkan pertumbuhan mapan pada paras 7.5 peratus berbanding penyusutan 2.0 peratus pada tahun 2019 didorong oleh aktiviti kelengkapan elektrik.

Selain itu, subsektor minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan yang menyumbang sebanyak 14.1 peratus merekodkan pertumbuhan kukuh pada paras 15.6 peratus (2020: 1.7%).

Sementara itu, segmen produk petroleum, kimia, getah dan plastik merekodkan pemulihan daripada negatif 2.4 peratus kepada 8.4 peratus pada tahun 2020. Peningkatan memberangsangkan ini didorong oleh aktiviti pembuatan bahan kimia, produk kimia & produk farmaseutikal serta produk plastik dan produk getah yang masing-masing bertumbuh kukuh pada tahun 2021.

Subsektor peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan juga mencatatkan peningkatan ketara kepada 4.0 peratus (2020: -7.6%). Sumbangan subsektor ini kepada sektor Pembuatan adalah 13.3 peratus disumbangkan oleh terutamanya aktiviti pembuatan kenderaan bermotor.

Namun begitu, kumpulan produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka masih mencatatkan penyusutan iaitu negatif 1.3 peratus (2020: -12.4%) dipengaruhi oleh pembuatan produk mineral bukan logam dan logam asas. Selain itu, subsektor produk kayu, perabot, keluaran kertas dan penerbitan juga menguncup pada kadar negatif 2.8 peratus (2020: -4.4%). Kedua-dua subsektor ini merupakan antara penyumbang utama bagi sektor Pembuatan W.P. Kuala Lumpur dengan masing-masing menyumbang sebanyak 14.7 peratus dan 13.4 peratus. Kejatuhan subsektor ini telah memperlahankan prestasi keseluruhan sektor ini.

SEKTOR PERKHIDMATAN

Pembukaan semula beberapa sektor ekonomi secara berperingkat pada 2021, ianya dilihat telah memberi impak positif kepada prestasi ekonomi sektor Perkhidmatan di sesebuah negeri. Pada 2021, sektor Perkhidmatan di W.P. Kuala Lumpur mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM196.4 bilion (2020: RM193.3b) iaitu pertambahan sebanyak RM3.0 bilion berbanding tahun sebelumnya yang telah mencatatkan pengurangan RM12.0 bilion.

Sumbangan sektor ini kepada keseluruhan KDNK W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2021 adalah sebanyak 90.0 peratus (2020: 89.3%). Sektor ini mencatatkan pertumbuhan sederhana 1.6 peratus berbanding penyusutan 5.8 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi mengikut subsektor dalam sektor Perkhidmatan adalah seperti dipaparkan pada **Jadual 2.3**.

Paparan 2.3

Penyumbang utama dan pertumbuhan 2021 bagi subsektor Perkhidmatan



Perdagangan borong dan runcit

Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut fasa yang mula diperkenalkan pada Jun 2021 yang menjadi strategi pemulihan ekonomi telah memberi ruang untuk merancakkan semula ekonomi terutamanya kepada subsektor perdagangan borong & runcit.

Pada tahun 2021, subsektor perdagangan borong & runcit telah menyumbang 36.8 peratus kepada sektor Perkhidmatan di W.P. Kuala Lumpur. Prestasi ekonomi subsektor ini bertumbuh 2.4 peratus (2020: -6.8%) dipengaruhi oleh segmen borong dan runcit.

Segmen borong turut bertumbuh sederhana kepada 3.2 peratus pada tahun 2021 (2020: -7.7%) didorong oleh peningkatan dalam aktiviti pengkhususan lain jualan borong, dan juga aktiviti jual borong berdasar kontrak atau yuran. Sumbangan segmen borong ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit di W.P. Kuala Lumpur adalah 49.1 peratus seperti **Carta 2.7**. Kepelbagaian dalam penumpuan produk pengeluaran telah memberikan impak yang berbeza terhadap prestasi borong di negeri.

Sementara itu, segmen runcit mencatatkan pertumbuhan 3.9 peratus berbanding penyusutan 5.3 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi positif ini disokong oleh pertumbuhan dalam aktiviti jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan, diikuti aktiviti jualan runcit kelengkapan informasi & komunikasi di stor pengkhususan, dan juga aktiviti jualan runcit peralatan lain-lain isi rumah di stor pengkhususan. Sumbangan segmen runcit ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit di W.P. Kuala Lumpur adalah 43.7 peratus.

Namun prestasi segmen kenderaan bermotor dilihat menyusut kepada negatif 9.8 peratus (2020: -9.0%) dipengaruhi oleh aktiviti jualan komponen (termasuk alat ganti) & aksesori kenderaan bermotor dan juga aktiviti penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor.

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi menyumbang sebanyak 10.1 peratus kepada sektor Perkhidmatan di W.P. Kuala Lumpur dengan nilai ditambah berjumlah RM19.8 bilion pada tahun 2021. Subsektor ini mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 4.8 peratus berbanding 4.3 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan prestasi ini didorong oleh segmen dalam perkhidmatan telekomunikasi.

Segmen perkhidmatan telekomunikasi merekodkan kadar pertumbuhan sebanyak 8.6 peratus didorong oleh permintaan dalam perkhidmatan komunikasi data. Aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan penggunaan platform media sosial seperti WhatsApp, Facebook dan Youtube turut merangsang kepada permintaan perkhidmatan ini.

Selain itu, antara segmen lain yang turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan perkhidmatan ini adalah segmen perkhidmatan komputer dan maklumat yang mencatatkan pertumbuhan 2.4 peratus yang disokong oleh aktiviti perundingan komputer.

“

Subsektor perkhidmatan maklumat & komunikasi
WPKL bertumbuh **4.8%**
pada tahun 2021

”

Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang sebanyak 1.7 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan W.P. Kuala Lumpur. Pada tahun 2021, subsektor ini menunjukkan penurunan 0.1 peratus berbanding kemerosotan 22.9 peratus pada tahun sebelumnya. Pengangkutan darat merupakan peneraju utama dengan

sumbangan 49.1 peratus, diikuti operasi lebuhraya (26.5%), pengangkutan lain (13.7%), perkhidmatan pos & kurier (8.2%), pengangkutan udara (2.2%), dan pelabuhan & operasi penerbangan (0.3%) seperti pada **Carta 2.6**.

Penyusutan dalam operasi lebuhraya dan aktiviti pengangkutan udara merupakan antara faktor yang mempengaruhi prestasi industri ini. Meskipun begitu, momentum pada tahun 2021 adalah lebih baik daripada tahun 2020 berikutan daripada pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berfasa di seluruh negara. Sementara itu, pemulihan dalam aktiviti pengangkutan darat dan pengukuhan perkhidmatan pos & kurier telah mengurangkan impak kejatuhan dalam industri ini.

Kewangan dan insurans

Kewangan dan insurans bertumbuh sebanyak 8.9 peratus pada tahun 2021. Pertumbuhan ini didominasi oleh segmen kewangan yang merupakan penyumbang terbesar sektor ini iaitu sebanyak 79.4 peratus. Pertumbuhan segmen tersebut disokong oleh aktiviti perantaraan kewangan.

Sementara itu, aktiviti insurans yang menyumbang 20.6 peratus kepada subsektor kewangan dan insurans didorong oleh aktiviti insurans dan tabungan pencen.



Hartanah

Subsektor hartanah di W.P. Kuala Lumpur menyusut 14.0 peratus berbanding negatif 17.8 peratus pada tahun 2021 dengan nilai ditambah sebanyak RM4.8 bilion. Penyusutan ini disumbangkan oleh aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan terutama dalam pembelian, penjualan, penyewaan & pengendalian hartanah kediaman dan pembangunan bagi projek yang dibina untuk operasi sendiri seperti untuk sewaan ruang di dalam bangunan. Aktiviti-aktiviti ini menyumbang sebanyak 69.7 peratus kepada keseluruhan subsektor hartanah di W.P. Kuala Lumpur.

Secara umumnya, prestasi hartanah W.P. Kuala Lumpur pasca pandemik COVID-19 dilihat terus mencabar ditambah dengan isu sedia ada seperti lambakan kediaman siap dibina tidak terjual serta penawaran ruang pejabat dan kompleks beli-belah yang tinggi melebihi permintaan. Impak yang dibawa pandemik COVID-19 menyaksikan pembeli masih dibelenggu dengan masalah kemampuan, ketidakupayaan untuk mendapatkan pinjaman, jaminan pekerjaan dan kestabilan ekonomi.

Namun begitu, prestasi memberangsangkan subsektor lain seperti kewangan dan insurans secara tidak langsung telah mendorong pertumbuhan yang lebih baik subsektor hartanah di W.P. Kuala Lumpur.

“

Perkhidmatan hartanah
menyusut **14.0%**
pada tahun 2021

”

Penginapan dan makanan & minuman

Subsektor penginapan di W.P. Kuala Lumpur masih mencatatkan pertumbuhan negatif iaitu 29.4 peratus pada tahun 2021 (2020: -54.5%) dan merekodkan nilai ditambah kepada RM889.2 juta. Ini dipengaruhi oleh penurunan bilangan tetamu hotel yang mencatatkan penyusutan 61.1 peratus (2020: -66.6%).

Subsektor makanan dan minuman menyumbang 2.5 peratus kepada sektor Perkhidmatan di negeri W.P. Kuala Lumpur. Subsektor ini menyusut 12.6 peratus (2020: -21.5%) dengan merekodkan nilai ditambah RM4,959.2 juta pada tahun 2021.

Perkhidmatan perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan merekodkan penurunan 10.3 peratus pada tahun 2021 (2020: -13.8%) dipengaruhi oleh aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain.

Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal kekal mendominasi subsektor ini dengan sumbangan sebanyak 83.4 peratus. Aktiviti ini menguncup 7.1 peratus daripada negatif 7.4 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Aktiviti utama yang mempengaruhi prestasi tersebut termasuklah aktiviti guaman, perakaunan dan perkhidmatan kejuruteraan. Aktiviti lain yang turut memberi impak kepada kemerosotan segmen ini ialah perkhidmatan arkitek dan perkhidmatan juruukur tanah. Dalam pada itu, aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan menyumbang sebanyak 16.6 peratus dan mencatatkan penurunan 23.6 peratus (2020: -33.1%) dipengaruhi oleh aktiviti agensi pengembaraan dan aktiviti keselamatan persendirian.

Perkhidmatan kesihatan swasta

Subsektor perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang sebanyak 1.2 peratus kepada sektor Perkhidmatan di W. P. Kuala Lumpur. Subsektor ini mencatatkan jumlah nilai ditambah sebanyak RM2.3 bilion berbanding RM2.1 bilion pada tahun 2021 dan bertumbuh positif 10.8 peratus.

Aktiviti hospital merupakan penyumbang utama kepada prestasi keseluruhan subsektor ini. Selain itu, antara aktiviti lain yang menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan perkhidmatan ini adalah aktiviti amalan perubatan dan pergigian.

“

**Perkhidmatan
kesihatan swasta menyusut
10.8% pada tahun 2021**

”



Perkhidmatan pendidikan swasta

Subsektor perkhidmatan pendidikan swasta menyumbang sebanyak 1.1 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan W.P. Kuala Lumpur. Pada tahun 2021, subsektor ini merekodkan penyusutan 4.5 peratus (2020: -7.1%). Pembukaan pengoperasian kesemua institusi pendidikan secara berperingkat untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka telah mendorong kepada fasa pemulihan bagi subsektor ini.

Berdasarkan **Carta 2.7**, aktiviti pendidikan tinggi kekal menjadi penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 56.3 peratus kepada keseluruhan subsektor perkhidmatan pendidikan swasta W.P. Kuala Lumpur. Seterusnya, diikuti oleh pendidikan lain (24.7%), pendidikan menengah (10.2%), pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah (7.3%) dan perkhidmatan sokongan pendidikan (1.5%).



Perkhidmatan kerajaan

Perkhidmatan kerajaan meliputi empat peringkat iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Penglibatan sektor kerajaan memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri.


Pada tahun 2021, nilai ditambah perkhidmatan kerajaan di W.P. Kuala Lumpur berjumlah RM28.8 bilion berbanding RM27.2 bilion pada tahun sebelumnya. Perkhidmatan ini menyumbang sebanyak 14.7 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan di W.P. Kuala Lumpur.

Pertumbuhan 5.8 peratus pada tahun 2021 (2020: 4.8%) didorong oleh kerajaan persekutuan yang mendominasi perkhidmatan kerajaan di W.P. Kuala Lumpur dengan sumbangan sebanyak 77.3 peratus diikuti oleh badan berkanun dan PBT.

CARTA PRESTASI MENGIKUT SEKTOR


Carta 2.4

Peratus sumbangan sektor Pembuatan, W.P. Kuala Lumpur, 2021




Carta 2.5

Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, W.P. Kuala Lumpur, 2021




Carta 2.6

Peratus sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan, W.P. Kuala Lumpur, 2021



Carta 2.7

Peratus sumbangan subsektor pendidikan swasta, W.P. Kuala Lumpur, 2021




JADUAL PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

Jadual 2.1 Prestasi sektor Perkhidmatan, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2021

Subsektor	2020 ^e			2021 ^p		
	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	23,093	11.9	(0.8)	24,021	12.2	4.0
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	77,518	40.1	(9.6)	78,140	39.8	0.8
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	56,033	29.0	(5.4)	56,302	28.7	0.5
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	9,456	4.9	(14.9)	9,090	4.6	(3.9)
Perkhidmatan kerajaan	27,222	14.1	4.8	28,810	14.7	5.8
Jumlah	193,323	100.0	(5.8)	196,364	100.0	1.6

KADAR VAKSINASI, 2021



PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2020-2021

JUMLAH KESELURUHAN 2020/2021
RM530 bilion

PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN NEGERI, 2020-2021

NOTA:

2020

2021



PAKEJ RANGSANGAN, BANTUAN DAN INSENTIF KERAJAAN NEGERI, 2020-2022

2020		PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS		RM40.2 JUTA
 RM6.5 JUTA Bantuan food pack kepada 65,000 keluarga miskin/B40	 RM0.8 JUTA Sumbangan makanan kepada 700 gelandangan			
 RM4.2 JUTA Pengecualian bayaran sewa dan sumbangan one-off kepada penjaja & peniaga kecil	 RM0.5 JUTA Bantuan kepada penjaja PICOMS dan Kolej Baitulmal			
 RM3.4 JUTA Bantuan kewangan bulanan kepada 22,000 dan zakat khas kepada 24,196 keluarga asnaf	 RM12.1 JUTA Bantuan kepada pesakit, PUI, mangsa sara hidup dan khairat kematian serta sumbangan peralatan mesin bantuan pernafasan			
 RM6.7 JUTA Bantuan makanan, kewangan, elaun khas petugas perubatan & penguatkuasa serta peralatan tambahan	 RM5.0 JUTA Pengecualian bayaran sewa dan penangguhan bayaran balik pembiayaan (penyewa dan pembeli PPR dan PA MTEN+DBKL)	JUMLAH IMPLIKASI KEWANGAN, 2020		

2021		PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS		RM22.4 JUTA
 RM7.4 JUTA Program klinik bergerak percuma (MyMedic@Wilayah)	 RM15.0 JUTA Penyelenggaraan perumahan strata kos rendah dan Sederhana rendah DBKL			
				JUMLAH IMPLIKASI KEWANGAN, 2021

2022		PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS		RM22.3 JUTA
 RM19.0 JUTA Penyelenggaraan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	 RM1.5 JUTA Perlindungan sosial bekalan makanan MyFood@Wilayah untuk golongan miskin bandar			
 RM0.5 JUTA Perlindungan sosial kos makanan MyGrocer@Wilayah untuk golongan miskin bandar	 RM0.7 JUTA Bantuan bersasar gerai mudah alih (Push Cart) untuk peniaga kecil yang terjejas COVID_19			
 RM0.6 JUTA Perlindungan gelandangan di Pusat Transit Gelandangan dan Pusat Transformasi Gelandangan (Anjung Kelana)		JUMLAH IMPLIKASI KEWANGAN, 2022		

Nota:
Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan

INDEKS HARGA PENGGUNA

Pada akhir tahun 2021, Malaysia masih belum bebas daripada pandemik COVID-19. Sedikit demi sedikit, masyarakat sudah mula menerima hakikat untuk menjalani kehidupan bersama dengan virus COVID-19. Fasa pandemik tidak hanya memberi kesan terhadap kesihatan masyarakat sahaja, tetapi ia juga menjejaskan ekonomi negara. Pandemik COVID-19 juga telah memberi kesan pada Indeks Harga Pengguna (IHP) terutamanya terhadap pola perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, kerajaan telah melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) iaitu pemberian vaksin percuma kepada semua rakyat Malaysia secara berperingkat yang membantu untuk mewujudkan imuniti berkelompok. Kesannya, pada akhir suku tahun ketiga 2021, kerajaan mula melonggarkan dan membenarkan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi. Tindakan itu sedikit sebanyak telah membantu kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Peningkatan ketara purata harga minyak mentah dunia Brent pada tahun 2021 (66.5%) daripada AS\$42.30 per tong (2020) meningkat kepada AS\$70.44 per tong (2021) telah memberi kesan terus kepada kenaikan harga petrol tanpa plumbum RON97, petrol tanpa plumbum RON95 dan diesel. Purata harga petrol tanpa plumbum RON97 pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan tertinggi sepanjang 10 tahun dengan kenaikan sebanyak 32.9 peratus (2021: RM2.65/liter) berbanding tahun sebelumnya (2020: RM1.99/liter).

“

IHP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan peningkatan pada kadar **2.0%**

”



Selain itu, purata harga petrol tanpa plumbum RON95 turut meningkat 21.1 peratus kepada RM2.03 per liter berbanding RM1.67 pada tahun sebelumnya, manakala purata harga diesel meningkat 18.6 peratus kepada RM2.14 per liter daripada RM1.80 seperti yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Inflasi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan peningkatan iaitu pada 2.0 peratus berbanding negatif 0.6 peratus yang dicatatkan pada 2020 (**Carta 2.10**). Kadar inflasi ini juga berikutan kesan asas yang rendah pada tahun sebelum, yang merekodkan peningkatan ketara terutamanya dalam kumpulan pengangkutan serta peningkatan harga pelbagai barangan. Faktor lain seperti peningkatan harga ayam yang melebihi purata harga ayam pada tahun 2020 adalah impak daripada kenaikan harga bahan makanan haiwan. Ianya sejajar dengan kenaikan harga pasaran bahan mentah global.

Selain itu, hujan lebat yang berlaku di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia susulan peralihan Monsun Timur Laut pada akhir tahun 2021 turut mendorong kenaikan harga makanan terutamanya makanan laut.

Kenaikan inflasi di wilayah ini juga dipengaruhi oleh penamatan diskaun elektrik bulanan yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) untuk tempoh tiga bulan yang berakhir pada 30 September 2021.

Secara keseluruhannya, peningkatan inflasi kepada 2.0 peratus ini disumbangkan oleh peningkatan indeks pengangkutan iaitu pada 7.6 peratus; diikuti oleh perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (1.8%), hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (1.8%), minuman alkohol & tembakau (1.8%), dan makanan & minuman bukan alkohol (1.3%) (Jadual 2.3).

Kumpulan pengangkutan merekodkan peningkatan 7.6 peratus pada 2021 berbanding negatif 7.4 peratus yang direkodkan pada 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh penetapan petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter bermula Mac 2021.

Inflasi perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain meningkat 1.8 peratus pada tahun 2021 berbanding 0.0 peratus yang dilaporkan pada tahun 2020. Kenaikan tertinggi adalah daripada subkumpulan elektrik, gas dan bahan api.

Inflasi hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah meningkat pada 1.8 peratus berbanding 1.0 peratus pada 2020. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh kenaikan bagi perabot, hiasan, permaidani dan penutup lantai lain.

Inflasi makanan & minuman bukan alkohol meningkat 1.3 peratus berbanding 0.7 peratus dicatatkan pada 2020. Peningkatan ini adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan subkumpulan daging (3.1%); keluaran makanan t.t.t.l. (2.9%); minyak dan lemak (2.5%); ikan segar dan makanan laut (1.4%) dan susu, keju dan telur (1.4%). Manakala gula, jem, madu, coklat dan manisan dan sayur-sayuran masing-masing merekodkan peningkatan marginal 0.3 peratus dan 0.1 peratus (Jadual 2.4).

“


**Kumpulan pengangkutan
merekodkan peningkatan
pada kadar 7.6%**

”

Jadual 2.2 Purata harga item terpilih,
W.P. Kuala Lumpur, 2020-2021

Item Terpilih	Unit	Purata Harga (RM)	
		2020	2021
Ayam Bersih-Standard	1kg	7.78	8.28
Telur Gred A	10 biji	3.74	3.96
Telur Gred B	10 biji	3.56	3.64
Telur Gred C	10 biji	3.41	3.36
Ikan Kembung	1 kg	18.03	17.94
Sawi Hijau	1 kg	4.74	5.12
Bayam	1 kg	4.34	4.51

CARTA INDEKS HARGA PENGGUNA

Carta 2.8 Perubahan tahunan IHP, W.P.Kuala Lumpur, 2011-2021**Jadual 2.3**

Perubahan tahunan IHP mengikut kumpulan utama, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2021

Tahun	2020	2021
Makanan & minuman bukan alkohol	0.7	1.3
Minuman alkohol & tembakau	1.2	1.8
Pakaian & kasut	-0.8	-0.3
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	0.0	1.8
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	1.0	1.8
Kesihatan	1.6	0.4
Pengangkutan	-7.4	7.6
Komunikasi	0.5	0.0
Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan	-0.6	1.2
Pendidikan	1.1	0.2
Restoran & hotel	-2.3	0.0
Pelbagai barangan & perkhidmatan	2.4	0.6
Keseluruhan	-0.6	2.0

Jadual 2.4

Perubahan tahunan subkumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, 2020-2021

Tahun	2020	2021
Makanan & minuman bukan alkohol	0.7	1.3
Makanan di luar rumah	1.6	1.8
Beras, roti & bijirin	0.3	-0.2
Daging	0.2	3.1
Ikan segar dan makanan laut	-2.2	1.4
Susu, keju dan telur	-1.3	1.4
Minyak dan lemak	-0.1	2.5
Buah-buahan	1.5	-2.5
Sayur-sayuran	2.5	0.1
Gula, jem, madu, coklat dan manisan	-4.3	0.3
Keluaran makanan t.t.t.l	1.4	2.9
Kopi, teh, koko dan minuman bukan alkohol	-1.3	-1.6

Rencana 2:**Sumbangan dan cabaran sektor pelancongan Kuala Lumpur era endemik COVID-19²**

Noor Faiz Tawail dan Mohd Suhaimi Mohd Rashid

1.0 Pengenalan

Dunia telah digemparkan dengan penemuan virus yang boleh menyebabkan bilangan kes kematian yang besar kepada populasi manusia sejak 2019. Virus ini telah dikesan di Wilayah Wuhan China pada hujung tahun 2019 yang dikenali sebagai virus COVID-19 atau Coronavirus. Virus ini telah menjangkiti populasi manusia hampir di seluruh dunia. Malaysia juga tidak terkecuali daripada jangkitan virus ini pada pertengahan Mac 2020 yang telah membawa kepada penutupan sempadan antara negeri dan antarabangsa dalam usaha mengekang wabak virus ini terus menular. Sementalahan itu, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menutup beberapa sektor ekonomi negara. Hanya sektor-sektor utama sahaja yang boleh beroperasi dengan mengurangkan jumlah jam bekerja. Rentetan daripada pelaksanaan PKP ini sektor pelancongan menerima tempas yang paling besar dari segi penurunan bilangan pelancong yang datang ke Malaysia. Bilangan pelancong yang dicatatkan oleh Tourism Malaysia pada tahun 2019 adalah seramai 26.10 juta pelancong yang masuk ke Malaysia. Bilangan ini telah menyusut kepada 4.33 juta pelancong pada tahun 2020 dan terus menyusut kepada 0.13 juta pelancong pada tahun 2021. Ini secara langsung memberi kesan kepada jumlah pendapatan pelancongan Malaysia bagi tahun 2019 yang mencatatkan sebanyak RM86.1 bilion, diikuti RM12.7 bilion pada tahun 2020 dan RM0.24 bilion pada tahun 2021. Ini jelas menunjukkan bahawa COVID-19 memberi impak yang besar kepada sektor ekonomi negara terutamanya sektor pelancongan yang merupakan salah satu sektor yang menyumbang kepada pendapatan negara. Selain daripada sektor pelancongan terdapat beberapa sektor di Malaysia yang turut menerima kesan yang serupa iaitu sektor pengangkutan, perhotelan, peruncitan, makanan dan minuman serta beberapa sektor lain akibat daripada pelaksanaan PKP yang bertujuan untuk mengekang penularan virus COVID-19.

Pelaksanaan PKP ini turut memberi kesan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia. Pada tahun 2018 KDNK Malaysia mencatatkan sebanyak RM1,363.8 bilion, diikuti RM1,423.0 bilion pada tahun 2019, manakala pada tahun 2020 ia mencatatkan penurunan kepada RM1,345.1 bilion. Penyusutan ini adalah disebabkan pelaksanaan PKP oleh kerajaan bermula pada pertengahan Mac sehingga Jun 2020 dan bersambung pada bulan Oktober sehingga Disember 2020 yang memberi kesan kepada pendapatan negara. Di samping itu, ia juga turut memberi kesan kepada industri pelancongan, perhotelan, pengangkutan, makanan dan minuman negara amnya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya.

Industri pelancongan merupakan salah satu nadi kepada sumber pendapatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di mana dengan kehadiran para pelancong antarabangsa dan domestik dapat merancakkan ekonomi Kuala Lumpur. Kuala Lumpur merupakan salah satu destinasi tarikan pelancong antarabangsa dan domestik dengan adanya beberapa tempat bersejarah seperti Dataran Merdeka, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Tugu Pahlawan.

² Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

Selain itu, Kuala Lumpur juga mempunyai tempat-tempat menarik untuk dilawati seperti menara berkembar Petronas, menara Kuala Lumpur, akuaria KLCC, taman burung, jambatan Saloma dan sebagainya. Justeru itu, apakah usaha-usaha yang harus dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Lembaga Penggalak Pelancongan (*Tourism Malaysia*) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam memastikan industri pelancongan Kuala Lumpur terus berkembang dan berdaya saing semasa pasca COVID-19.

Objektif kajian ini adalah untuk melihat sumbangan dan cabaran sektor pelancongan Kuala Lumpur era pasca COVID-19. COVID-19 dan pelaksanaan PKP oleh kerajaan telah memberi impak negatif kepada pertumbuhan dan pendapatan sektor pelancongan Kuala Lumpur. Tujuan kerajaan melaksanakan PKP ini adalah bagi memutuskan rantai penularan COVID-19 yang melanda Malaysia pada Mac 2020 sehingga Jun 2021. Penutupan sempadan antarabangsa dan negeri turut memberi tekanan kepada industri pelancongan Kuala Lumpur. Berdasarkan kepada kajian impak PKP yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) semasa dalam tempoh pelaksanaan PKP sebanyak 80 peratus hotel-hotel di Kuala Lumpur tidak dapat menjalankan operasi seperti biasa. Situasi ini terjadi disebabkan pelaksanaan PKP dan penutupan sempadan antarabangsa dan negeri yang menyekat pergerakan orang awam dari berkunjung di dalam negara. Menurut *Malaysia Budget & Business Hotel Association (MYBHA)*, sektor pelancongan menerima kesan yang besar semasa penularan wabak COVID-19 yang melanda negara amnya dan Kuala Lumpur khususnya. Industri pelancongan Kuala Lumpur terjejas akibat daripada tiada pengunjung dan pelancong dari dalam dan luar negara. Berikut adalah jumlah bilangan pelancong antarabangsa dan domestik yang datang dan menginap di hotel-hotel Kuala Lumpur dari tahun 2016 sehingga 2021.

Berdasarkan Jadual 2(a) jumlah pelancong yang menginap atau tinggal di hotel di Kuala Lumpur menunjukkan corak penurunan bermula dari tahun 2019 sehingga 2021. Pada tahun 2019 jumlah pelancong yang menginap atau tinggal di hotel di Kuala Lumpur berjumlah 18.3 juta orang menurun kepada 6.1 juta pada tahun 2020 dan seterusnya menurun kepada 2.3 juta orang pada tahun 2021. Penurunan bilangan pelancong yang amat ketara ini adalah daripada pelancong asing iaitu pada tahun 2020 seramai 1.6 juta orang berbanding tahun 2019 seramai 10.9 juta orang. Manakala pada tahun 2021 bilangan pelancong asing yang datang menginap atau tinggal di hotel di Kuala Lumpur berjumlah 41,797 orang.

Jadual 2(a): Bilangan pelancong asing dan domestik menginap hotel-hotel di Kuala Lumpur, 2016 - 2021

Tahun	Pelancong asing	Pelancong domestik	Jumlah pelancong
2016	9,436,404	6,715,078	16,151,482
2017	10,717,479	7,264,872	17,982,351
2018	11,602,079	8,020,019	19,622,098
2019	10,931,619	7,397,154	18,328,773
2020	1,584,088	4,514,383	6,098,471
2021	41,797	2,269,693	2,311,490

Sumber: *Tourism Malaysia*

Jadual 2(b) menunjukkan kadar penginapan pelancong yang tinggal di hotel Kuala Lumpur dengan bilangan hotel dan bilik yang ditawarkan. Kadar penginapan menunjukkan peratusan penurunan daripada 59.9 pada tahun 2019 kepada 23.6 peratus dalam tahun 2021. Di samping bilangan hotel yang beroperasi pada tahun 2019 sebanyak 480 buah hotel (61,967 bilik) menyusut kepada 456 hotel dengan bilangan bilik yang ditawarkan sebanyak 56,334 buah pada tahun 2021.

Meskipun pada akhir tahun 2020 dan 2021 kerajaan telah melonggarkan pergerakan penduduk dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi tujuan memulihkan semula ekonomi negara daripada ancaman COVID-19. Namun begitu, industri pelancongan, hotel, pusat hiburan, pengangkutan, makanan dan minuman masih menunjukkan kadar pertumbuhan yang perlahan.

Jadual 2(b): Bilangan hotel, bilangan bilik dan kadar penginapan (occupancy rates) pelancong yang menginap di hotel-hotel Kuala Lumpur, 2016-2021

Tahun	Bilangan hotel	Bilangan bilik	Kadar penginapan (occupancy rates)
2016	472	58,963	66.1
2017	404	52,322	66.1
2018	435	57,286	63.3
2019	480	61,967	59.9
2020	472	60,095	25.1
2021	456	56,334	23.6

Sumber: Tourism Malaysia

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mencatatkan pertumbuhan 0.8 peratus bagi tahun 2021 (RM218.2 bilion) berbanding pada tahun 2020 iaitu penyusutan -7.4 peratus (RM216.6 bilion) (Jadual 2(c)). Meskipun pertumbuhan sebanyak 0.8 peratus pada tahun 2021, subsektor utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi menyumbang sebanyak 11.0 peratus (RM24.0 bilion), perdagangan borong dan runcit, penginapan dan makanan & minuman 35.8 peratus (RM78.1 bilion) dan perkhidmatan lain 4.2 peratus (RM9.1 bilion) pada tahun 2021 (Jadual 2(d)). Ketiga-tiga komponen subsektor dalam KDNK ini mempunyai pertalian dengan industri pelancongan Kuala Lumpur dalam era pasca COVID-19.

Jadual 2(c): KDNK Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2015-2021 (pada harga malar 2015)

Perkara	2015	2016	2017	2018	2019	2020 ^e	2021 ^p
KDNK (RM juta)	180,865	191,641	206,175	220,359	233,794	216,561	218,233
Peratus perubahan Tahunan (%)	-	6.0	7.6	6.9	7.1	-7.4	0.8

Sumber: KDNK mengikut negeri 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jadual 2(d): KDNK Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengikut subsektor perkhidmatan, 2019 – 2021

KDNK W.P. KL	RM juta			Peratus sumbangan kepada KDNK		
	2019	2020 ^e	2021 ^p	2019	2020 ^e	2021 ^p
Sektor perkhidmatan						
Utiliti, penyimpanan & pengangkutan dan maklumat & komunikasi	23,286	23,093	24,021	10.0	10.7	11.0
Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan	85,731	77,518	78,140	36.7	35.8	35.8
Perkhidmatan lain	11,110	9,456	9,090	4.8	4.4	4.2

Sumber: KDNK mengikut negeri 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia

2.0 Metodologi kajian

Metodologi kajian yang dijalankan adalah berdasarkan pendekatan kualitatif berpandukan kajian lepas berkaitan COVID-19, peranan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Lembaga Penggalak Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia), Persatuan Hotel Malaysia, Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MYBHA), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan beberapa agensi kerajaan bagi memastikan Industri Pelancongan Kuala Lumpur dapat bergerak seperti biasa.

Pasca COVID-19 yang diumumkan oleh kerajaan dan disokong dengan pelan-pelan tindakan pembangunan industri pelancongan diharap akan dapat menyumbang kepada ekonomi Kuala Lumpur.

3.0 Cabaran Sektor Pelancongan Kuala Lumpur

Kuala Lumpur merupakan tumpuan pelancong baik dari dalam atau luar negara terjejas teruk akibat daripada pandemik COVID-19. Jumlah pelancong domestik dan pelancong asing yang datang berkunjung ke Kuala Lumpur telah menurun dengan drastik disebabkan PKP dan penutupan sempadan Malaysia yang telah dikuatkuasakan sepanjang 2020 dan 2021. Industri pelancongan menjadi suram dan kelam sepanjang pelaksanaan PKP terutamanya dalam sektor perhotelan. Kadar penginapan telah menurun sebanyak 36.3 peratus berbanding tahun sebelum pelaksanaan PKP dan sebelum COVID-19. Persatuan Hotel Malaysia (MHA) memaklumkan bahawa kira-kira 90 buah hotel di seluruh Malaysia termasuk Kuala Lumpur telah menutup operasi secara kekal atau sementara sejak pelaksanaan PKP.

Perniagaan melibatkan pelancongan seperti penerbangan, agensi pelancongan, pusat-pusat rekreasi dan hospitaliti turut terjejas. Ini secara langsung memberi impak kepada sektor pekerjaan di industri dan perniagaan yang berteraskan pelancongan, di mana ramai pekerja yang diberhentikan manakala pekerja yang lain menghadapi masalah pengurangan pendapatan sama ada dipotong gaji atau diminta bercuti tanpa gaji. Langkah-langkah tersebut terpaksa diambil oleh majikan / peniaga bagi mengurus kos operasi masing-masing agar kekal bertahan dalam industri ini. Isu ini dapat dilihat dengan jumlah bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan rel bandar menunjukkan penurunan yang amat ketara. Berdasarkan Jadual 2(e) statistik purata harian penumpang tahunan perkhidmatan rel bandar bagi tahun 2017 sehingga 2021 menunjukkan trend penurunan bagi laluan LRT Ampang, LRT Kelana Jaya, KL Monorail, MRT Kajang dan KTM Komuter Lembah Klang. Trend penurunan ini bermula pada tahun

2020 dan 2021, penurunan penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini disebabkan pelaksanaan PKP dan PKPP. Tujuan kerajaan membangunkan prasarana perkhidmatan rel bandar ini adalah untuk menjana ekonomi Kuala Lumpur terutama dalam sektor pelancongan. Pelancong-pelancong antarabangsa dan domestik akan menggunakan perkhidmatan ini bagi kemudahan pergerakan dari satu destinasi ke satu destinasi pelancongan di Kuala Lumpur. Kesan daripada penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP dan PKPP telah memberi impak besar terhadap perkhidmatan rel bandar dan sektor pelancongan di Kuala Lumpur.

Jadual 2(e): Statistik purata harian penumpang tahunan perkhidmatan rel bandar bagi tahun, 2017 - 2021

Tahun	Rel bandar				
	LRT Ampang	LRT Kelana Jaya	KL Monorail	MRT Kajang	KTM Komuter Lembah Klang
2017	184,974	272,684	48,764	65,117	96,809
2018	192,484	291,230	36,037	162,633	77,676
2019	206,784	319,088	36,306	204,821	71,824
2020	110,491	150,261	21,603	105,883	28,323
2021	71,796	83,862	12,891	62,938	15,558

Sumber: Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)

Pembukaan semula sempadan dan peralihan ke fasa endemik bermula 1 April 2022 dijangka akan dapat membantu industri pelancongan untuk pulih lebih awal, iaitu menjelang penghujung 2023 atau awal 2024. Kadar vaksinasi yang tinggi di Malaysia juga memberi keyakinan kepada pelancong asing dan domestik untuk berkunjung ke negara ini dan juga ke Kuala Lumpur. Ini akan menyemarakkan kembali industri pelancongan dengan peningkatan bilangan pelancong dan pengunjung. Namun, cabaran kini adalah untuk memastikan setiap pelancong selamat daripada COVID-19 dengan memastikan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sentiasa dipatuhi dalam segala aktiviti pelancongan bagi mengelakkan penularan serta jangkitan COVID-19.

Peningkatan pelancong asing dan domestik yang datang berkunjung akan memberi impak positif kepada industri pelancongan, walau bagaimanapun industri ini mengalami kekurangan pekerja. menurut menteri pelancongan, seni dan budaya, ketika ini industri pelancongan kekurangan pekerja dan dianggarkan mencecah antara 15,000 hingga 20,000 orang di seluruh Malaysia termasuk Kuala Lumpur. Sehubungan itu, pelbagai usaha sedang dilaksanakan untuk mengisi kekosongan pekerjaan yang melibatkan kesemua sektor pelancongan terutamanya di sektor perhotelan. Kekurangan pekerja ini disebabkan oleh ramai antara mereka telah menjalankan perniagaan sendiri dan beralih ke industri lain semenjak PKP dahulu. Cabaran kekurangan pekerja ini harus ditangani segera supaya ia tidak merencatkan pemulihan dan perkembangan industri pelancongan khususnya di Kuala Lumpur.

Dalam usaha membangunkan semula industri pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan Lembaga Penggalak Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*) telah melaksanakan banyak program, promosi pelancongan dan pameran di luar negeri bagi menarik pelancong asing untuk berkunjung ke negara ini. Di samping itu, kempen dan promosi pelancongan kepada pelancong domestik juga turut dipergiat dalam memacu industri pelancongan agar dapat mencapai tahap seperti sebelum pandemik COVID-19.

4.0 Pelan tindakan pembangunan sektor pelancongan Kuala Lumpur

Bagi menangani impak COVID-19 terhadap ekonomi negara dan kelangsungan hidup rakyat, Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) yang bernilai RM15 bilion merangkumi bantuan kewangan sekali beri RM500 kepada pemandu pelancong, teksi dan bas di seluruh negara termasuk pemandu di Kuala Lumpur.

Seterusnya, Pelan Pemulihan Negara (PPN) turut dilancarkan pada Jun 2021 dan diikuti dengan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Pelan dan pakej ini dibentuk bagi membantu rakyat melalui suntikan dan galakan kewangan bagi memulihkan ekonomi termasuk juga industri pelancongan yang terjejas kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pandemik COVID-19. Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) turut meliputi bantuan kepada industri pelancongan, antaranya merangkumi:

- i. Pelanjutan diskaun bil elektrik sebanyak 10 peratus bagi bulan Oktober hingga Disember 2021 kepada pengendali hotel, taman-taman tema, pusat konvensyen, pusat beli-belah, pejabat syarikat pelancongan tempatan serta agensi pengembaraan dan pelancongan;
- ii. Pemberian bantuan *one-off* sebanyak RM3,000 kepada lebih 5,300 agensi pelancongan yang berdaftar dengan MOTAC;
- iii. Penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan bulanan kepada syarikat dan mengecualikan cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan kepada pengendali hotel sehingga akhir tahun 2021;
- iv. Pemberian program subsidi upah sebanyak RM600 kepada 500 pekerja bagi setiap majikan selama tempoh empat bulan iaitu, dua bulan bagi semua sektor dalam fasa kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan dua bulan seterusnya khusus bagi sektor-sektor yang dikategorikan dalam senarai negatif semasa tempoh fasa ketiga, di mana tiada lagi syarat had gaji ditetapkan;
- v. Pemberian moratorium enam bulan diberikan kepada semua peminjam individu, sama ada dari golongan B40, M40 atau T20, dan usahawan mikro. Kesemua galakan dan bantuan ini dirancang untuk membantu rakyat dan juga pengusaha di industri pelancong untuk kekal ampuh dalam menghadapi kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pandemik COVID-19.

Usaha kerajaan diteruskan dengan Bantuan Pelancongan Perniagaan Bajet 2022 di bawah inisiatif Pelan Pemulihan Negara (PPN). Bantuan ini merangkumi:

- i. Program Pengalaman *Homestay* Malaysia iaitu bantuan khas penyaluran sebanyak RM900 bagi tempoh 2 bulan (bulan Mac dan Mei 2022) bagi meringankan beban pengusaha inap desa (*homestay*) yang terjejas akibat pandemik COVID-19;
- ii. Bantuan pemandu pelancong iaitu bantuan tunai untuk dua bulan (bulan Mac - RM1,000 dan Mei 2022 - RM500) kepada pemandu pelancong yang terkesan semasa pelaksanaan PKP yang berkuatkuasa bagi mengekang penularan COVID-19;
- iii. Bantuan pengusaha pelancongan iaitu bayaran tunai untuk dua bulan (bulan Mac - RM6,000 dan Mei - RM3,000) kepada pengusaha pelancongan bagi membantu memulihkan pengeoperasian semula perniagaan;

- iv. Program subsidi upah 5.0 khas untuk majikan beroperasi di dalam sektor pelancongan, yang mengalami penurunan pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah jualan atau pendapatan. Subsidi upah RM600 sebulan bagi setiap pekerja selama tiga bulan dan terhad kepada 500 pekerja setiap tuntutan;
- v. Pelbagai geran seperti geran sokongan sektor pelancongan, geran padanan pembaikan hotel bajet dan inap desa dan geran galakan melancong. Usaha-usaha ini turut memberi impak positif kepada pekerja dan pengusaha pelancongan di seluruh negara termasuk di Kuala Lumpur.

Manakala, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui *Tourism Malaysia* turut melaksanakan beberapa pelan bagi merancakkan industri pelancongan seiring dengan peralihan negara kepada fasa endemik. Ini termasuklah Pelan Pemulihan Pelancongan 2022 yang memberi perhatian kepada pelancongan domestik yang turut membantu meningkatkan industri pelancongan di Kuala Lumpur. Ia melibatkan penyaluran insentif kepada rakyat Malaysia dalam bentuk diskaun, baucar dan rebat bagi tempahan tiket pengangkutan dan pakej pelancongan. Kuala Lumpur sebagai ibu negara dan juga destinasi utama pelancongan untuk membeli-belah akan menerima impak yang besar daripada pelan pemulihan ini.

Tourism Malaysia juga telah melancarkan Pelan Strategik dan Pemasaran 2022 hingga 2026 iaitu satu pelan strategi lima tahun bagi meningkatkan industri pelancongan yang memfokuskan kepada promosi pelancongan domestik serta pemulihan pelancongan antarabangsa, dengan lebih menekankan penggunaan digital, inovasi, kesihatan dan keselamatan. Enam tunjang pelan strategik iaitu:

- i. Menggalakkan pelancongan domestik;
- ii. Menjalin perkongsian pintar;
- iii. Meningkatkan promosi pelancongan (dalam talian/luar talian);
- iv. Mengoptimumkan komunikasi strategik dan penglibatan media;
- v. Melaksanakan gelembung perjalanan; dan
- vi. Menjalankan transformasi strategik.

Sementara itu, pendekatan baharu dalam strategi pemasaran, antara lain, menggariskan keutamaan dalam pemasaran kreatif dan digital, meningkatkan promosi campuran, beralih kepada promosi berasaskan emosi dan sentimen berpindah ke pasaran yang disesuaikan, dan mengukuhkan jenama. Pelan Strategik dan Pemasaran *Tourism Malaysia* dibangunkan berdasarkan Dasar Pelancongan Negara 2020 hingga 2030, Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan 2016-2025, Dasar Kebudayaan Kebangsaan 2021 dan Matlamat Pembangunan Mampan UNWTO (SDG).

Strategi jangka panjang DPN dibahagikan kepada enam teras strategik utama seperti mengukuhkan kapasiti tadbir urus, mewujudkan zon pelaburan pelancongan khas, menerima pelancongan pintar, (jawatankuasa kecil pelancongan mampan, mengamalkan pelancongan mampan dan bertanggungjawab dan meningkatkan kemahiran modal insan.

Dasar Pelancongan Negara turut memberi perhatian terhadap *Urban Tourism, Shopping Tourism, Medical & Wellness Tourism, MICE (Meetings, Incentives, Conferences, Exhibitions) Tourism* dan *Muslim Friendly Tourism* yang dilihat akan memberi kesan langsung kepada sektor pelancongan di Kuala Lumpur. Pelaksanaan dasar jangka panjang ini akan membantu dan menyemarakkan kembali industri pelancongan di Malaysia khususnya di Kuala Lumpur.

Bagi mengekalkan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan utama dalam pertumbuhan ekonomi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merangka Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2040 secara komprehensif yang melihat pelbagai aspek pengurusan fizikal dan spatial Kuala Lumpur. Fokus utama PSKL 2040 ini adalah mentransformasikan Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia dengan pendekatan yang holistik, inklusif, saksama, berdaya huni dan mampan. Bagi mendokong fokus ini enam perkara utama iaitu daya tahan ekonomi, pembangunan komuniti inklusif, penghijauan & pengindahan bandar, bandar rendah karbon, sistem mobiliti yang cekap dan pengurusan tanah yang bersepadu. Ia selari dengan visi PSKL 2024 iaitu Kuala Lumpur Bandar Untuk Semua.

5.0 Rumusan

PKP dan penutupan sempadan negara bagi membendung pandemik COVID-19 amat memberi kesan kepada industri pelancongan di Kuala Lumpur dan di seluruh negara. Kemasukan pelancong domestik dan pelancong asing yang menurun begitu drastik menyebabkan sektor berkaitan pelancongan seperti penerbangan, perhotelan, restoran, agensi pelancongan dan pusat pusat rekreasi terjejas teruk. Terdapat juga pengusaha pelancongan terpaksa menutup operasi disebabkan beban menanggung kos yang tinggi. Pekerja diberhentikan disebabkan operasi perlu dikecilkan atau ditutup. Ini semua memberi tekanan kepada kelangsungan hidup rakyat dan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Bagi menangani kemelut ini, pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa pelan dan pakej rangsangan bagi membantu rakyat dan membangunkan semula ekonomi. Industri pelancongan juga diberi penekanan kerana industri ini merupakan salah satu penyumbang utama dalam ekonomi di Malaysia dan juga di Kuala Lumpur. Menerusi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Tourism Malaysia, pelbagai pelan strategi, pameran dan promosi yang telah dan akan dijalankan untuk menarik pelancong datang ke Kuala Lumpur dan ke Malaysia, umumnya. Pembukaan sempadan negara dijangka akan menyuburkan industri pelancongan di Kuala Lumpur yang merupakan pusat ekonomi, pusat kebudayaan dan pusat membeli belah di Malaysia. Perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang disusun oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan memastikan Kuala Lumpur dan Malaysia, amnya berada di landasan yang betul untuk memastikan industri pelancongan kembali menjadi salah satu industri yang akan dapat memacu ekonomi negara.

Rujukan

- Ahmad R., Samsuddin A., Suhaili A., dan Alma'amun S. (2021). Kesan Persepsi Risiko dan Motivasi Melancong Terhadap Gelagat Pelancong Tempatan Semasa Pendamik COVID-19. *Journal Ekonomi Malaysia* 55(3) 2021, 137 – 148
- Bantuan Pelancongan Perniagaan Bajet 2022. (2022, Mac 18). Diambil daripada Kementerian Kewangan Malaysia: <https://budget.mof.gov.my/manfaat/business-tourism.html>
- Bilangan Hotel, Bilangan Bilik dan Kadar Penginapan di Hotel-Hotel Kuala Lumpur. (2022). Diambil daripada *Tourism Malaysia*: <http://mytourismdata.tourism.gov.my>
- Hussin R., Mapjabil J., Md Shah J., Abubakar A., Konyo N., Pingking A., Rosyadi S. (2021). Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Dan Strategi Pemulihan Sektor Pelancongan Pasca Pandemik COVID-19 Di Malaysia Volum: 6 Isu: 42 . *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 99 - 113
- Kawi M. R. (2022, Mei 14). Sektor Pelancongan perlukan 20,000 pekerja. Diambil daripada *Harian Metro*: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/05/841787/sektor-pelancongan-perlukan-20000-pekerja>
- Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2021 (2022). Jabatan Perangkaan Malaysia
- Khalid M. K. (2022, Mei 17). MOTAC Lancar Pelan Pemulihan Pelancongan, lagu Cuti-Cuti Malaysia. Diambil daripada *Sinar Harian*: <https://www.sinarharian.com.my/ar ticle/202702/BERITA/Nasional/MOTAC-lancar-Pelan-Pemulihan-Pelancongan-lagu-Cuti-Cuti-Malaysia>
- Mohd Farique M. A. (2021). Implikasi Pandemik COVID-19 terhadap Ekonomi Global dan Ekonomi Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies* 2(2), 122 - 129
- Mutalib Z. A., Alias A., Parzi N., & Adnan A. (2021, Januari 18). PERMAI: Pemandu teksi, bas, pemandu pelancong, e-hailing dapat bantuan RM500. Diambil daripada *Berita Harian*: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/777514/permai-pemandu-teksi-bas-pemandu-pelancong-e-hailing-dapat-bantuan>
- National Tourism Policy 2020 - 2030 (Executive Summary)* (2020). Diambil daripada *Ministry of Tourism, Arts and Culture*: <https://www.motac.gov.my/en/download/category/114-dasar-pelancongan-negara-dpn-2020-2030>
- Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) Beri Sinar Kepada Sektor Pelancongan. (2021, Jun 29). Diambil daripada Kementerian Pelancongan Seni Dan Budaya: <https://www.motac.gov.my/media2/siaran/pakej-perlindungan-rakyat-dan-pemulihan-ekonomi-pemulih-beri-sinar-kepada-sektor-pelancongan>
- Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040. (2020). Diambil daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur: <https://klmycity2040.dbkl.gov.my/pppkl/>
- Statistik Purata Harian Penumpang Tahunan Perkhidmatan Rel Di Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 2017-2021. (2021). Diambil daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat: <https://www.apad.gov.my/doclink/2021-rel-purata-harian-penumpang-tahunan-semenanjung-malaysia>
- Suhail S. M. (2021). Krisis Jaminan Kerja Dalam Sektor Perhotelan Terhadap Hasrat Untuk Berhenti Kerja Semasa Pandemik COVID-19. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (24), 20- 29
- Survei Pelancongan Domestik 2020: Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2021). Jabatan Perangkaan Malaysia. Diambil daripada Jabatan Perangkaan Malaysia
- Teks ucapan penuh Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) (2021, Jun 28). Diambil daripada *Berita Harian*: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/833215/teks-ucapan-penuh-pakej-perlindungan-rakyat-dan-pemulihan-ekonomi>
- Tourism Malaysia lancar pelan strategik 5 tahun tumpu 6 tonggak wawasan.* (2022, Mac 30). Diambil daripada *Bernama*: https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_pemeraksa.php?id=2067441
- Tourism Malaysia: Annual Report 2020.* (2020). Diambil daripada *Malaysia Tourism Promotion Board*: https://www.tourism.gov.my/files/uploads/annual_report_2020.pdf

DEMOGRAFI SOSIAL

PENDUDUK

- Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk
- Struktur umur
- Nisbah jantina
- Nisbah tanggungan
- Kumpulan etnik warganegara

KELAHIRAN

KESUBURAN

KEMATIAN

JANGKAAN HAYAT

TENAGA BURUH

- Penduduk bekerja
- Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

STATISTIK SISWAZAH

- Statistik siswazah Malaysia
- Statistik siswazah W.P. Kuala Lumpur

MIGRASI

- Migrasi Malaysia
- Migrasi W.P. Kuala Lumpur

BAB

3



PENDUDUK

Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Anggaran penduduk W.P. Kuala Lumpur menurun kepada 1.96 juta penduduk pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 iaitu 1.98 juta dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan negatif 0.9 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2021 ialah 90.2 peratus daripada keseluruhan penduduk W.P. Kuala Lumpur.

Jadual 3.1 Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2021

Penduduk	2020	2021	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)
Bilangan penduduk ('000)	1,982.1	1,964.0	-0.9

Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Pada tahun 2021, umur muda mencatatkan penurunan kepada 19.5 peratus (2020: 20.0%) manakala kumpulan umur bekerja dan umur tua masing-masing mencatatkan peningkatan kepada 73.8 peratus (2020: 73.5%) dan 6.7 peratus (2020: 6.6%).

Jadual 3.2 Struktur umur penduduk, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2021

Kumpulan umur (%)	2020	2021
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	20.0	19.5
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	73.5	73.8
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	6.6	6.7

1.96 juta

Penduduk
W.P. Kuala Lumpur,
2021



Warganegara

90.2% (2021)
89.5% (2020)



**Bukan
Warganegara**

9.8% (2021)
10.5% (2020)

26.4

Nisbah
tanggungan
umur muda,
2021

Nisbah
Jantina

♂ : ♀
114 : 100
Lelaki : Perempuan

9.1

Nisbah
tanggungan
umur tua,
2021

Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk W.P. Kuala Lumpur pada 2021 adalah 114 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Nisbah tanggungan

Jumlah nisbah tanggungan penduduk W.P. Kuala Lumpur menunjukkan penurunan bagi tempoh 2020 hingga 2021. Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan trend meningkat daripada 9.0 pada tahun 2020 kepada 9.1 pada tahun 2021. Nisbah tanggungan umur muda menurun kepada 26.4 pada tahun 2021 berbanding 27.2 pada tahun 2020.

Jadual 3.3 Nisbah tanggungan, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2021

Nisbah tanggungan	2020	2021
Umur muda	27.2	26.4
Umur tua	9.0	9.1
Jumlah	36.1	35.5

Kumpulan etnik warganegara

Pada tahun 2021, peratusan Bumiputera mencatatkan peningkatan kepada 47.9 peratus (2020: 47.7%). Peratusan Cina mencatatkan penurunan kepada 41.3 peratus (2020: 41.6%) manakala India dan etnik lain pula masing-masing kekal kepada 10.0 peratus dan 0.7 peratus daripada keseluruhan penduduk warganegara di W.P. Kuala Lumpur.

Jadual 3.4 Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2021

Kumpulan etnik warganegara W.P. Kuala Lumpur (%)	2020	2021
Bumiputera	47.7	47.9
Cina	41.6	41.3
India	10.0	10.0
Etnik lain	0.7	0.7

KELAHIRAN

Kadar kelahiran kasar

Pada tahun 2020, kadar kelahiran kasar di W.P. Kuala Lumpur mencatatkan penurunan berbanding tahun 2019 iaitu daripada 13.4 kepada 13.1 bagi setiap 1,000 penduduk (Carta 3.1). Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2020 turut menunjukkan penurunan berbanding tahun 2019 iaitu masing-masing daripada 13.6 kepada 13.3 dan 13.1 kepada 12.8 bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 3.1 Kadar kelahiran kasar, W.P. Kuala Lumpur, 2011-2020



13.1

Kadar kelahiran kasar bagi setiap 1,000 penduduk, 2020



18.9

Bumiputera Kadar kelahiran kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi iaitu 18.9 pada tahun 2020 sementara Cina mencatatkan kadar terendah iaitu 7.4 bagi setiap 1,000 penduduk. Penurunan kadar kelahiran kasar tertinggi dicatatkan oleh Bumiputera iaitu daripada 19.5 pada tahun 2019 kepada 18.9 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2020 (Jadual 3.5).

Jadual 3.5 Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, W.P. Kuala Lumpur, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	20.2	20.4	20.0	20.0	19.5	18.9
Cina	8.5	8.7	8.0	7.7	7.9	7.4
India	9.9	9.7	9.3	9.3	9.0	8.9
Etnik lain ¹	16.5	14.5	13.5	12.9	12.5	13.9

¹Termasuk bukan warganegara

Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran


Pada tahun 2020, W.P. Kuala Lumpur mencatatkan bilangan kelahiran hidup sebanyak 23,087 bayi manakala kadar kelahiran kasar ialah 13.1 bagi setiap 1,000 penduduk (Carta 3.2).

23,087 bayi

W.P. Kuala Lumpur
Bilangan
kelahiran hidup,
2020



Carta 3.2 Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar W.P. Kuala Lumpur, 2020 (setiap 1,000 penduduk)




KESUBURAN

Kadar kesuburan jumlah

Pada tahun 2020, kadar kesuburan jumlah bagi W.P. Kuala Lumpur kekal sama iaitu 1.5 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun sejak 2015 hingga 2020. Carta 3.3 menunjukkan W.P. Kuala Lumpur mencatatkan kadar kesuburan jumlah di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita dalam lingkungan umur reproduktif (15-49 tahun) bagi tahun 2011 hingga 2020.

Carta 3.3 Kadar kesuburan jumlah, W.P. Kuala Lumpur, 2011-2020



Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Kadar kesuburan jumlah bagi semua kumpulan etnik tetap sama seperti tahun 2019 kecuali etnik lain yang menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2020, Bumiputera mencatatkan kadar kesuburan jumlah tertinggi iaitu 2.2 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, manakala kadar terendah dicatatkan oleh Cina iaitu 0.9.

Jadual 3.6 Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, W.P. Kuala Lumpur, 2015-2020 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	2.0	2.1	2.1	2.2	2.2	2.2
Cina	0.9	1.0	0.9	0.9	0.9	0.9
India	1.1	1.1	1.0	1.0	1.0	1.0
Etnik lain ¹	1.6	1.4	1.3	1.3	1.3	1.4

¹Termasuk bukan warganegara

1.5 bayi

Kadar kesuburan jumlah bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2020



2.2 bayi

Bumiputera Kadar kesuburan tertinggi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2020

KEMATIAN

Bilangan dan kadar kematian

Sejumlah 8,318 kematian direkodkan di W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2020 menurun 5.7 peratus berbanding tahun 2019. Kadar kematian kasar di negeri ini pada tahun 2020 adalah 4.7 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2019: 4.9 kematian).

Carta 3.4 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, W.P. Kuala Lumpur, 2010-2020 (setiap 1,000 penduduk)




Jadual 3.7 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, W.P. Kuala Lumpur, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)

Kematian	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah kematian penduduk	7,608	8,077	8,205	8,485	8,819	8,318
Kadar kematian kasar (Lelaki)	4.8	5.2	5.1	5.4	5.6	5.3
Kadar kematian kasar (Perempuan)	3.7	3.8	4.0	4.1	4.2	4.1

Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada tahun 2020 adalah 3.9 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, menurun 1.1 mata berbanding 5.0 kematian bagi 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2019.

Carta 3.5 Kadar kematian bayi, W.P. Kuala Lumpur, 2010-2020



4.9 kematian
Bagi tempoh 2010-2020, kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk adalah pada tahun 2019


Jumlah Kematian
Lelaki
4,800 (57.7%)
Perempuan
3,518 (42.3%)

3.9 kematian
Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2020

Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2020 meningkat kepada 30.3 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup berbanding 21.0 kematian bagi tahun 2019.

Carta 3.6 Nisbah mortaliti ibu bersalin, W.P. Kuala Lumpur, 2010-2020



Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Kadar kematian kasar Bumiputera dan Cina masing-masing menurun sebanyak 0.3 mata dan 0.2 mata kepada 4.0 kematian dan 6.2 kematian. Kadar kematian bagi India turut menurun kepada 6.8 kematian (2019: 7.5 kematian) manakala etnik lain menurun kepada 1.5 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2020.

Jadual 3.8 Kadar kematian kasar mengikut etnik, W.P. Kuala Lumpur, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)

Etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	3.5	3.9	3.8	4.0	4.3	4.0
Cina	5.6	5.9	6.0	6.1	6.4	6.2
India	6.5	6.8	7.2	7.4	7.5	6.8
Etnik lain ¹	1.6	1.5	1.7	1.7	1.6	1.5

¹Termasuk bukan warganegara

Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, 2020

Pada tahun 2020, penyakit jantung iskemia merupakan sebab kematian yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi sebab kematian yang disahkan secara perubatan iaitu 984 kematian (17.4%) yang melibatkan 20.0 peratus bagi lelaki dan 13.5 peratus bagi perempuan. Ini diikuti oleh radang paru-paru dan penyakit serebrovaskular iaitu masing-masing 10.8 peratus dan 6.8 peratus.

3.9

kematian

Nisbah mortaliti ibu bersalin terendah, bagi setiap 100,000 kelahiran hidup dalam tempoh 2010-2020




6.8

kematian

India

Kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

Paparan 3.1 Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, W.P. Kuala Lumpur, 2020




Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.

Sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, 2020

Tiga sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan yang tertinggi bagi tahun 2020 adalah sakit tua (65 tahun dan lebih) iaitu 1,135 kematian (42.7%) yang melibatkan 37.3 peratus bagi lelaki dan 49.1 peratus bagi perempuan. Ini diikuti oleh darah tinggi dan kencing manis dengan masing-masing sebanyak 5.0 peratus dan 3.7 peratus.

Paparan 3.2 Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, W.P. Kuala Lumpur, 2020



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2020, W.P. Kuala Lumpur mencatatkan bilangan kematian sebanyak 8,318 kematian pada kadar 4.7 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

Penyakit jantung iskemia

Sebab kematian utama disahkan yang mencatatkan peratusan tertinggi, 2020



Sakit tua

Sebab kematian utama tidak disahkan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2020


JANGKAAN HAYAT

Jangkaan hayat ketika lahir

Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2021 di W.P. Kuala Lumpur dijangka hidup lebih lama sehingga 80.5 tahun berbanding dengan seorang bayi lelaki dijangka hidup sehingga 75.7 tahun.

Bagi tempoh 2017 sehingga 2021, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki meningkat 1.3 tahun daripada 74.4 tahun (2017) kepada 75.7 tahun (2021) manakala bayi perempuan meningkat 1.5 tahun kepada 80.5 tahun berbanding 79.0 tahun bagi tempoh yang sama.

Paparan 3.3 Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, W.P. Kuala Lumpur, 2017-2021




80.5 tahun
Bayi Perempuan
Jangkaan hayat
ketika lahir,
2021



Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2021 dijangka hidup selama 61.2 tahun dan 65.9 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga umur 76.2 tahun dan perempuan dijangka hidup sehingga umur 80.9 tahun.

Paparan 3.4 Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, W.P. Kuala Lumpur, 2017-2021



75.7 tahun
Bayi lelaki
Jangkaan hayat
ketika lahir,
2021

Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun masing-masing dijangka hidup selama 16.5 tahun dan 18.8 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup sehingga umur 81.5 tahun dan perempuan sehingga 83.8 tahun.

Jangkaan hayat pada umur 65 tahun meningkat setiap tahun di antara tempoh 2017 hingga 2021 bagi kedua-dua jantina, lelaki dan perempuan.

65.9 tahun


Perempuan
Jangkaan hayat
pada umur
15 tahun,
2021



16.5 tahun

Lelaki
Jangkaan hayat
pada umur
65 tahun,
2021

Paparan 3.5 Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, W.P. Kuala Lumpur, 2017-2021




Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010

TENAGA BURUH

Tenaga Buruh

Tenaga buruh di W.P. Kuala Lumpur berkurang sebanyak negatif 1.9 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 5.5%). Sejumlah 893.3 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2021 berbanding 910.6 ribu orang pada tahun 2020. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja pula berkurang kepada 855.6 ribu orang pada tahun 2021 berbanding 874.6 orang pada tahun 2020.

Carta 3.7 Tenaga buruh dan penduduk bekerja, W.P. Kuala Lumpur, 2010-2021



Penduduk bekerja

Kategori pekerja profesional mendominasi penduduk bekerja di W.P. Kuala Lumpur dengan peratus sumbangan sebanyak 26.5 peratus pada tahun 2021. Ini diikuti oleh kategori pekerja perkhidmatan & jualan serta kategori juruteknik dan profesional bersekutu dengan peratus sumbangan 19.1 peratus dan 15.7 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 49.9 peratus daripada keseluruhan pekerja di W.P. Kuala Lumpur.

893.3 ribu
Tenaga buruh di
W.P. Kuala Lumpur,
2021

855.6 ribu
Bilangan penduduk
bekerja,
2021

26.5%
Pekerja professional
catat
peratusan tertinggi,
2021

712.1 ribu
Pekerja tertumpu
pada **sektor**
Perkhidmatan,
2021



0.9 ribu
Sektor
Perlombongan dan
penkuarian
Bilangan pekerja
terendah , 2021

Jadual 3.9 Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan,
W.P. Kuala Lumpur, 2016-2021

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pengurus	73.6	72.0	72.1	74.7	87.8	66.2
Profesional	168.0	164.3	168.4	165.8	159.9	226.5
Juruteknik & profesional bersekutu	120.0	114.2	117.5	112.8	109.1	134.0
Pekerja sokongan perkeranian	97.7	99.1	94.1	88.9	97.7	101.2
Pekerja perkhidmatan & jualan	194.0	197.9	183.1	200.8	209.7	163.4
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	0.6	0.5	1.1	1.8	1.0	0.5
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	57.4	57.6	55.4	69.3	65.0	44.9
Operator mesin & loji dan pemasangan	59.5	59.3	57.2	58.4	66.9	48.0
Pekerja asas	56.4	79.5	75.5	68.5	77.6	70.8
Jumlah	827.2	844.3	824.4	841.0	874.6	855.6

Kategori pekerjaan	Komposisi (%)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pengurus	8.9	8.5	8.7	8.9	10.0	7.7
Profesional	20.3	19.5	20.4	19.7	18.3	26.5
Juruteknik & profesional bersekutu	14.5	13.5	14.3	13.4	12.5	15.7
Pekerja sokongan perkeranian	11.8	11.7	11.4	10.6	11.2	11.8
Pekerja perkhidmatan & jualan	23.5	23.4	22.2	23.9	24.0	19.1
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	0.1	0.1	0.1	0.2	0.1	0.1
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	6.9	6.8	6.7	8.2	7.4	5.2
Operator mesin & loji dan pemasangan	7.2	7.0	6.9	6.9	7.6	5.6
Pekerja asas	6.8	9.4	9.2	8.1	8.9	8.3
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Seramai 712.1 ribu orang pekerja (83.2%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2021 dan diikuti oleh sektor Pembuatan yang meliputi 66.8 ribu orang (7.8%), Pembinaan (64.1 ribu; 7.5%) dan Pertanian (11.7 ribu; 1.4%) manakala sektor Perlombongan dan penkuarian mencatatkan bilangan pekerja paling sedikit iaitu seramai 0.9 ribu orang (0.1%).

Jadual 3.10 Penduduk bekerja mengikut sektor, W.P. Kuala Lumpur, 2016-2021

Sektor	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	0.4	0.4	1.4	1.1	1.1	11.7
Perlombongan dan pengkuarian	0.1	0.4	0.1	0.0	2.3	0.9
Pembuatan	52.1	48.2	44.9	68.9	85.1	66.8
Pembinaan	75.2	83.6	82.0	80.1	78.4	64.1
Perkhidmatan	699.4	711.8	696.0	690.0	707.8	712.1
Jumlah	827.2	844.3	824.4	841.0	874.6	855.6

Sektor	Komposisi (%)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	0.0	0.0	0.2	0.1	0.1	1.4
Perlombongan dan pengkuarian	0.0	0.0	0.0	0.0	0.3	0.1
Pembuatan	6.3	5.7	5.4	8.2	9.7	7.8
Pembinaan	9.1	9.9	10.0	9.6	9.0	7.5
Perkhidmatan	84.5	84.3	84.4	82.0	80.9	83.2
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

71.7%

Kadar penyertaan tenaga buruh di W.P. Kuala Lumpur, 2021



Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

Kadar penyertaan tenaga buruh di W.P. Kuala Lumpur berkurang 0.4 mata peratus kepada 71.7 peratus pada tahun 2021 berbanding 72.1 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, kadar pengangguran di W.P. Kuala Lumpur meningkat sebanyak 0.2 mata peratus kepada 4.2 peratus pada tahun 2021 (2020: 4.0%).

Carta 3.8 KPTB dan kadar pengangguran, W.P. Kuala Lumpur, 2010-2021**4.2%**

Kadar pengangguran di W.P. Kuala Lumpur, 2021

STATISTIK SISWAZAH

STATISTIK SISWAZAH MALAYSIA


Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Malaysia meningkat sebanyak 4.7 peratus mencatatkan 5.61 juta orang berbanding tahun 2020 dengan 5.36 juta orang seperti pada Carta 3.9.

Bilangan siswazah dalam tenaga buruh yang merangkumi siswazah bekerja dan menganggur, naik 4.6 peratus kepada 4.77 juta orang (2020: 4.56 juta orang). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) kekal seperti tahun sebelumnya iaitu pada 85.0 peratus.

Manakala bagi siswazah bekerja, meningkat sebanyak 5.0 peratus berbanding tahun 2020 mencatatkan 4.57 juta orang (2020: 4.35 juta orang). Sebaliknya, kadar pengangguran siswazah berkurang kepada 4.1 peratus berbanding 4.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Carta 3.9 Statistik utama siswazah, Malaysia, 2020-2021



5.6 juta

Bilangan siswazah
Malaysia,
2021




85.0%

Kadar penyertaan
tenaga buruh
siswazah
Malaysia,
2021

Dari perspektif aktiviti ekonomi, siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan meliputi sumbangan sebanyak 77.4 peratus (3.54 juta orang). Sebanyak 13.7 peratus (627.8 ribu orang) daripada siswazah bekerja di dalam sektor Pembuatan, diikuti 6.0 peratus dalam sektor Pembinaan (275.3 ribu orang). Pada masa yang sama, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 2.1 peratus (95.5 ribu orang) dan 0.8 peratus (35.5 ribu orang) seperti pada Paparan 3.7.

Paparan 3.6 Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2021 ('000)



Statistik gaji dan upah siswazah, Malaysia

Dari perspektif gaji & upah bulanan yang diterima oleh siswazah, purata dan penengah gaji & upah pada tahun 2021 masing-masing adalah sebanyak RM3,911 dan RM4,582. Penengah gaji & upah bulanan merekodkan peningkatan 2.5 peratus pada 2021 berbanding tahun sebelumnya iaitu pada RM3,815. Manakala purata gaji naik 2.1 peratus daripada RM4,489.

Peningkatan purata dan penengah gaji & upah yang diterima oleh siswazah seiring dengan peningkatan umur yang mana boleh juga dikaitkan dengan pengalaman dan jawatan dalam pekerjaan. Siswazah yang berumur 45 tahun dan ke atas menerima penengah dan purata gaji & upah tertinggi iaitu masing-masing sebanyak RM6,433 dan RM7,017. Selain itu, siswazah berumur 24 tahun dan ke bawah menerima penengah dan purata gaji & upah yang paling rendah, masing-masing sebanyak RM1,590 dan RM1,984. (Paparan 3.8).

Paparan 3.7 Statistik gaji & upah siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2020-2021



77.4%

Siswazah bekerja berada dalam sektor Perkhidmatan, 2021



RM4,582

Purata gaji & upah bulanan siswazah di Malaysia, 2021

RM4,034

Penengah gaji & upah bulanan siswazah lelaki di Malaysia, 2021

**RM1,247**

Sektor Perlombongan dan pengkuarian purata gaji dan upah tertinggi, 2021


Perbandingan mengikut jantina menunjukkan siswazah lelaki menerima gaji & upah bulanan lebih tinggi berbanding siswazah perempuan. Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,034 manakala perempuan menerima RM3,680. Sementara itu, purata gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,973 berbanding RM4,215 diterima oleh siswazah perempuan (Paparan 3.9).

Paparan 3.8 Statistik gaji & upah siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2020-2021



Berbanding penengah gaji & upah bulanan pada 2020, semua sektor menunjukkan pertumbuhan positif. Siswazah dalam sektor Perkhidmatan mengalami pertambahan tertinggi sebanyak 2.3 peratus kepada RM4,128 (2020: RM4,037), diikuti sektor Pembuatan yang meningkat 1.4 peratus kepada RM3,072 (2020: RM3,029). Penengah gaji & upah bulanan siswazah di sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus kepada RM2,404 (2020: RM2,374) manakala sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 0.9 peratus kepada RM3,284 (2020: RM3,254). Meskipun mencatatkan gaji & upah tertinggi, sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan peningkatan marginal sebanyak 0.2 peratus kepada RM5,586 (2020: RM5,576). Begitu juga, purata gaji & upah bulanan diterima oleh siswazah di semua sektor ekonomi juga meningkat pada tahap yang berbeza mengikut industri berbanding tahun sebelumnya (Paparan 3.10).

Paparan 3.9 Statistik gaji & upah siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia, 2020-2021




STATISTIK SISWAZAH W.P. KUALA LUMPUR

Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di W.P. Kuala Lumpur adalah seramai 503.4 ribu orang, meningkat 4.0 peratus daripada 483.9 ribu orang pada tahun 2020. Dari jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah adalah 438.4, meningkat 5.2 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 416.7 ribu orang). Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 78.1 peratus, turun 1.2 mata peratus berbanding 87.1 peratus pada tahun 2021 seperti (Carta 3.10).

Carta 3.10 Statistik utama siswazah, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2021



Seramai 426.3 orang siswazah bekerja di W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2021 dengan kadar pertumbuhan tahunan 5.6 peratus (2020: 426.3 ribu orang). Sementara itu, penganggur siswazah 12.1 ribu orang (2020: 13.0 ribu orang). Kadar pengangguran siswazah di W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2021 ialah 2.8 peratus (2020: 3.1%).

Siswazah luar tenaga buruh pula merangkumi 12.9 peratus daripada jumlah siswazah di W.P. Kuala Lumpur iaitu seramai 65.0 ribu orang pada tahun 2021, menurun 3.3 peratus daripada 67.2 ribu orang pada tahun sebelumnya.

Perbandingan mengikut jantina di W.P. Kuala Lumpur menunjukkan komposisi siswazah di W.P. Kuala Lumpur didominasi oleh perempuan dengan sumbangan 50.1 peratus (10.4 ribu orang) manakala siswazah lelaki merangkumi 49.9 peratus (9.1 ribu orang) pada tahun 2021. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah lelaki adalah 88.4 peratus manakala siswazah perempuan adalah 85.8 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah perempuan lebih rendah iaitu 2.0 peratus berbanding lelaki 3.5 peratus (Carta 3.11).

503.4 ribu

Bilangan
siswazah
W.P. Kuala Lumpur,
2021



438.4 ribu


Bilangan tenaga
buruh siswazah
yang **bekerja**,
2021

8.9%
Peningkatan
tenaga buruh
siswazah
perempuan, 2021



RM5,468
Purata gaji & upah
siswazah di
W.P. Kuala Lumpur,
2021

Carta 3.11 Statistik utama siswazah mengikut jantina, W.P. Kuala Lumpur, 2021



Dari segi bilangan tenaga buruh siswazah mengikut jantina, seramai 221.9 ribu siswazah lelaki direkodkan pada tahun 2021, meningkat 1.8 peratus daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah perempuan mencatatkan peningkatan 8.9 peratus kepada 216.5 ribu orang.

Siswazah bekerja lelaki di W.P. Kuala Lumpur adalah seramai 214.2 ribu orang, lebih tinggi berbanding siswazah bekerja perempuan (212.0 ribu orang). Sebaliknya, komposisi penganggur siswazah mendapati penganggur lelaki merangkumi hanya 3.5 peratus dari keseluruhan penganggur atau 7.7 ribu orang lebih tinggi berbanding penganggur siswazah perempuan iaitu seramai 4.4 ribu orang.

Melihat kepada siswazah luar tenaga buruh pula, didapati bilangan siswazah perempuan luar tenaga buruh menurun 16.8 peratus kepada 16.8 ribu orang manakala siswazah lelaki turut merekodkan peningkatan 21.2 peratus kepada 29.1 ribu orang.

Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, W.P. Kuala Lumpur, 2021

Secara keseluruhannya, purata gaji & upah bulanan siswazah di W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2021 adalah RM5,468 lebih tinggi dari tahun 2020 iaitu RM5,443. Sementara itu, penengah gaji & upah bulanan siswazah pula adalah RM5,088 pada tahun 2021 meningkat dari RM4,976 pada tahun sebelumnya (Jadual 3.11).

Jadual 3.11 Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, W.P. Kuala Lumpur, 2020-2021

Gaji & upah	Jumlah	
	2020 ^e	2021 ^p
Purata gaji (RM)	5,443	5,468
Penengah gaji (RM)	4,976	5,088

MIGRASI

MIGRASI MALAYSIA

Penduduk berumur 1 tahun dan lebih yang berhijrah pada 2020 menurun sebanyak 40.0 ribu orang kepada 484.1 ribu orang berbanding 524.1 ribu orang pada 2018. Kadar migrasi menyusut 0.1 mata peratus iaitu 1.5 peratus pada 2020 berbanding 1.6 peratus pada 2018. Migrasi dalam negeri pada 2020 merekodkan penurunan 2.4 mata peratus berbanding 60.8 peratus pada 2018. Sebaliknya, migrasi antara negeri menunjukkan peningkatan 2.7 mata peratus kepada 31.2 peratus pada 2020 daripada 28.5 peratus pada 2018. Manakala, migrasi antarabangsa dari luar negara ke Malaysia adalah 10.4 peratus, menyusut 0.3 mata peratus berbanding 10.7 peratus pada 2018.

Carta 3.12 Penduduk berumur 1 tahun dan lebih mengikut status migrasi, Malaysia, 2018 dan 2020



484.1 ribu

Bilangan migrasi
Malaysia, 2020



1.5%

Kadar migrasi
Malaysia, 2020



MIGRASI W.P. KUALA LUMPUR

Kadar migrasi W.P. Kuala Lumpur

Pada 2020, W.P. Kuala Lumpur mencatatkan kadar migrasi 0.4 peratus berbanding 0.3 peratus pada tahun sebelumnya. Peratusan migrasi W.P. Kuala Lumpur datangnya daripada migrasi antara negeri (78.4%) dan migrasi antarabangsa (21.6%).

Migrasi antara negeri

Pada 2020, peratusan migrasi antara negeri bagi W.P. Kuala Lumpur ialah 78.4 peratus, meningkat berbanding 59.0 peratus pada tahun sebelumnya. Migrasi bersih merekodkan W.P. Kuala Lumpur sebagai negeri utama penghantar migran iaitu berkurang 6.4 ribu orang kepada 16.1 ribu orang berbanding 22.5 ribu orang pada 2018. Migrasi ke W.P. Kuala Lumpur ramainya datang daripada negeri Selangor, Johor, Perak, Sabah dan Kelantan. Manakala migrasi dari W.P. Kuala Lumpur ramainya ke negeri Selangor, Pahang, Kedah, Kelantan dan Negeri Sembilan.

Jadual 3.12 Lima negeri destinasi oleh migran dari W.P. Kuala Lumpur dan negeri asal oleh migran ke W.P. Kuala Lumpur, 2021

Negeri destinasi	Negeri asal
Selangor	Selangor
Pahang	Johor
Kedah	Perak
Kelantan	Sabah
Negeri Sembilan	Kelantan

Nisbah keberkesanan migrasi

W.P. Kuala Lumpur mencatatkan nisbah keberkesanan migrasi negatif pada 2020 iaitu 56.7 peratus. Ini menunjukkan penduduk W.P. Kuala Lumpur berkurang seramai 56 orang bagi setiap 100 orang migrasi kasar berbanding 2018 (81.9%).

Migrasi antara negeri mengikut aliran migrasi

Taburan peratus tertinggi migrasi antara negeri di W.P. Kuala Lumpur adalah dari bandar ke bandar iaitu 100.0 peratus.

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

- Statistik utama pelancongan domestik
- Pelawat domestik
- Perjalanan pelancongan domestik
- Perbelanjaan pelancongan domestik

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK W.P. KUALA LUMPUR

- Kedatangan pelawat, 2021
- Negeri asal pelancong, 2021
- Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2021
- Terimaan pelancongan domestik, 2020
- Tujuan perjalanan, 2020





STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

Statistik utama pelancongan domestik

Pada 2021, pelancongan domestik Malaysia mengalami kejatuhan yang signifikan bagi bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan pelancongan disebabkan oleh COVID-19 lockdown. Jadual 4.1 menunjukkan seramai 66.0 juta pelawat domestik dicatatkan pada 2021 dengan penurunan sebanyak 49.9 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: -44.9%). Sejumlah 72.4 juta perjalanan pelancongan direkodkan berbanding 147.0 juta perjalanan pelancongan pada tahun 2020.

Perbelanjaan pelancongan domestik mencatatkan penurunan sebanyak 54.5 peratus, iaitu RM18.4 bilion pada tahun 2021 berbanding RM40.4 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Oleh itu, purata perbelanjaan bagi setiap perjalanan yang direkodkan adalah RM254 iaitu merosot sebanyak 7.5 peratus pada tahun 2021. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada tahun 2021 adalah 2.19 hari.

Jadual 4.1 Statistik utama pelancongan domestik, 2020-2021

Statistik utama	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat ¹ (juta)	131.7	66.0	-49.9
Bilangan perjalanan (juta)	147.0	72.4	-50.7
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	40.4	18.4	-54.5
Purata perbelanjaan (RM)	275	254	-7.5
Purata bilangan hari menginap (hari)	1.93	2.19	13.2
Purata perjalanan	1.12	1.10	-1.7

¹ Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.

66.0 juta

Jumlah pelawat domestik, 2021

Bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan menyusut pada tahun 2021

RM18.4 bilion

Perbelanjaan pelawat domestik, 2021

-67.8%

Kemerosotan
bilangan
pelancong pada
tahun 2021

**78.5%**

Sumbangan
perjalanan harian
pada tahun
2021

Pelawat domestik

Bilangan pelawat harian pada tahun 2021 adalah seramai 51.1 juta orang dengan penurunan sebanyak 40.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan pelancong merosot daripada 46.3 juta orang pada tahun 2020 kepada 14.9 juta orang (-67.8%) seperti pada Jadual 4.2.

Jadual 4.2 Bilangan pelawat domestik (juta) mengikut jenis pelawat, 2020-2021

Jenis pelawat	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Pelawat harian	85.4	51.1	-40.2
Pelancong	46.3	14.9	-67.8
Jumlah	131.7	66.0	-49.9

Perjalanan pelancongan domestik

Perjalanan pelancongan domestik terdiri daripada perjalanan harian dan perjalanan bermalam. Pada tahun 2021, sumbangan perjalanan harian dan perjalanan bermalam masing-masing adalah 78.5 peratus dan 21.5 peratus. Sumbangan perjalanan bermalam menyusut sebanyak 11.4 mata peratus berbanding 32.9 peratus yang dicatatkan pada 2020 (Paparan 4.1).

Paparan 4.1 Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2020-2021

Perjalanan Harian

	2021	78.5%
	2020	67.1%


Perjalanan Bermalam

	2021	21.5%
	2020	32.9%

Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik disumbangkan oleh perbelanjaan pelawat harian dan pelancong. Ekoran daripada COVID-19 lockdown, jumlah perbelanjaan pelawat harian dan pelancong masing-masing merekodkan penurunan pada tahun 2021. Perbelanjaan pelancong menyusut sebanyak 68.0 peratus berbanding pada tahun sebelumnya. Sementara itu, perbelanjaan pelawat harian jatuh 36.3 peratus kepada RM11.0 bilion seperti pada Paparan 4.2.

Paparan 4.2 Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2020-2021



-54.5%
Perbelanjaan pelancongan domestik merosot pada tahun 2021

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK W.P. KUALA LUMPUR

Kedatangan pelawat, 2021

W.P. Kuala Lumpur menerima seramai 9.12 juta pelawat domestik pada 2021 berbanding 12.43 juta pelawat yang telah direkodkan pada tahun sebelumnya. Penurunan bilangan pelawat didorong oleh kemerosotan bilangan pelancong sebanyak 75.0 peratus iaitu kepada 0.92 juta pelancong berbanding 3.68 juta pelancong pada tahun 2020 seperti pada Jadual 4.3.

9.12 juta
Ketibaan pelawat domestik di W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2021

Jadual 4.3 Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik (juta) ke W.P. Kuala Lumpur, 2020-2021


Jenis pelawat	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Pelancong	3.68	0.92	-75.0
Pelawat domestik	12.43	9.12	-26.7

Negeri asal pelancong, 2021

Carta 4.1 memaparkan lima negeri asal pelancong tertinggi yang mengunjungi W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2021. Berdasarkan survei, pelancong berasal dari W.P. Kuala Lumpur adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 0.19 juta pelancong. Ini diikuti oleh pelancong dari Selangor (0.19 juta pelancong), Pulau Pinang (0.10 juta pelancong), Pahang (0.08 juta pelancong dan Kedah (0.07 juta pelancong).

W.P. Kuala Lumpur
Negeri yang paling ramai berkunjung ke W.P. Kuala Lumpur, 2021

Carta 4.1 Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke W.P. Kuala Lumpur, 2021



Bilangan pelancong (ribu)

0.19 juta

Pelancong dari
Selangor yang
mengunjungi
W.P. Kuala Lumpur
pada tahun 2021



**Mid Valley
Megamall**

Destinasi
tumpuan utama
pelawat domestik
pada tahun
2021

Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2021

